

3

PRESTASI EKONOMI DAN PROSPEK

- Perspektif Keseluruhan
- Prestasi Mengikut Sektor
- Prestasi Permintaan Domestik
 - Sisipan 3.1 - Pelaburan Swasta di Malaysia
- Sektor Luar Negeri
 - Rencana 3.1 - Mengembangkan Potensi Eksport Malaysia
- Harga
- Pasaran Buruh
 - Rencana 3.2 - Produktiviti Memacu Pertumbuhan Ekonomi
 - Sisipan 3.2 - Pembaharuan dalam Pasaran Buruh Malaysia: Status Terkini
- Prospek 2018

3 | PRESTASI EKONOMI DAN PROSPEK

Perspektif Keseluruhan

Pertumbuhan ekonomi lebih rancak

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan memberangsangkan sebanyak 5.7% dalam tempoh enam bulan pertama 2017 disokong oleh permintaan domestik yang kukuh dan diperteguh oleh sektor luaran yang lebih baik. Berdasarkan perkembangan ekonomi yang rancak dalam tempoh separuh pertama, KDNK benar tahun ini dijangka terus mapan antara 5.2% dan 5.7% (2016: 4.2%) melepasi unjuran sebelum ini. Pendapatan negara kasar (PNK) pada harga semasa pula dianggar berkembang 9.1% kepada RM1.3 trilion (2016: 6.2%; RM1.2 trilion) dengan pendapatan per kapita meningkat 7.7% kepada RM40,713 (2016: 4.7%; RM37,791).

Agregat permintaan domestik dijangka kekal berdaya tahan terutamanya didorong oleh perbelanjaan sektor swasta, sementara sektor awam terus melaksanakan langkah konsolidasi. Penggunaan swasta akan terus menyokong pertumbuhan ekonomi. Kecenderungan untuk berbelanja akan semakin kukuh didorong oleh kestabilan pasaran buruh, pendapatan eksport lebih tinggi dan inflasi terkawal dalam persekitaran kadar faedah rendah. Sementara itu, pelaburan swasta diunjur berkembang lebih kukuh disokong oleh perbelanjaan modal lebih tinggi terutamanya dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan. Pelaburan turut disokong oleh aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) yang stabil.

Dari sudut penawaran, pertumbuhan akan disokong oleh prestasi lebih kukuh dalam semua sektor dengan perkhidmatan dan pembuatan kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan. Sektor perkhidmatan diunjur berkembang pada kadar lebih tinggi, dicerminkan pertumbuhan lebih kukuh kebanyakan subsektor, terutamanya perdagangan borong dan runcit; maklumat dan komunikasi serta makanan & minuman dan penginapan. Dalam sektor pembuatan pula, pertumbuhan industri berorientasikan eksport dijangka berkembang dengan signifikan berikutan permintaan semikonduktor global yang lebih tinggi. Selain itu, pertumbuhan industri berorientasikan domestik akan mengukuh berikutan peningkatan permintaan produk pengguna dan bahan berkaitan pembinaan. Bagi sektor pertanian, pertumbuhan dijangka disokong oleh pemulihan pengeluaran minyak sawit mentah (CPO) dan getah. Sektor pembinaan akan dipacu oleh aktiviti kejuruteraan awam yang lebih rancak

manakala sektor perlombongan terus berkembang, walaupun pada kadar lebih perlahan disokong oleh pengeluaran gas asli yang lebih tinggi.

Kedudukan sektor luaran Malaysia dijangka kekal berdaya tahan selaras dengan aktiviti perdagangan global yang meningkat. Akaun semasa dianggar bertambah baik terutamanya disokong oleh lebihan akaun barangan yang tinggi. Pertumbuhan eksport akan didorong oleh permintaan tinggi bagi E&E dan komoditi. Di samping itu, import akan terus meningkat selaras dengan aktiviti pelaburan domestik yang kukuh.

Prestasi Mengikut Sektor

Sektor Perkhidmatan

Sektor perkhidmatan memacu pertumbuhan

Nilai ditambah sektor perkhidmatan terus meningkat 6.1% dalam tempoh separuh pertama 2017 (Januari – Jun 2016: 5.4%) terutamanya disokong oleh aktiviti penggunaan domestik yang kukuh. Pada 2017, sektor ini dijangka merekod pertumbuhan 5.9% merangkumi 54.5% daripada KDNK (2016: 5.6%; 54.3%). Kumpulan *perkhidmatan akhir* dijangka kekal berkembang sebanyak 6% (2016: 6%) diterajui subsektor perdagangan borong dan runcit serta makanan & minuman dan penginapan. Kumpulan *perkhidmatan perantara* dijangka meningkat 6.4% (2016: 5.5%) disokong oleh subsektor maklumat dan komunikasi serta kewangan dan insurans. Sementara itu, subsektor *perkhidmatan kerajaan* dijangka berkembang 4.4% (2016: 4.9%).

Jadual 3.1. KDNK mengikut Sektor 2016 – 2018
(Pada harga malar 2010)

	Bahagian kepada KDNK (%)		Perubahan (%)	
	2017 ¹	2016	2017 ¹	2018 ²
Pertanian	8.1	-5.1	5.6	2.4
Perlombongan	8.4	2.2	0.5	0.9
Pembuatan	23.0	4.4	5.5	5.3
Pembinaan	4.6	7.4	7.6	7.5
Perkhidmatan	54.5	5.6	5.9	5.8
KDNK	100.0	4.2	5.2 – 5.7	5.0 – 5.5

¹ Anggaran.

² Unjuran.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan dan tidak termasuk komponen duti import.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

**Jadual 3.2. Prestasi Sektor Perkhidmatan
2016 – 2018**
(Pada harga malar 2010)

	Bahagian (%)	Perubahan (%)		
	2017 ¹	2016	2017 ¹	2018 ²
Perkhidmatan akhir				
Perdagangan borong dan runcit	15.1	6.2	6.5	6.1
Makanan & minuman dan penginapan	2.9	7.1	7.6	7.2
Utiliti	2.5	5.4	2.5	2.6
Perkhidmatan lain	4.4	4.8	5.3	5.3
Perkhidmatan perantara				
Kewangan dan insurans	6.7	2.5	4.2	4.4
Hartanah dan perkhidmatan perniagaan	4.5	6.9	7.2	7.4
Maklumat dan komunikasi	6.1	8.1	8.5	8.8
Pengangkutan dan penyimpanan	3.6	5.6	6.2	5.8
Perkhidmatan kerajaan	8.7	4.9	4.4	4.5
Jumlah	54.5	5.6	5.9	5.8

¹ Anggaran.

² Unjuran.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

Subsektor *perdagangan borong dan runcit* mencatat pertumbuhan lebih kukuh sebanyak 7% (Januari – Jun 2016: 5.9%) disokong perbelanjaan pengguna lebih tinggi. Segmen runcit meningkat 9.6% (Januari – Jun 2016: 6.3%) dipacu jualan runcit yang merekod pertumbuhan dua digit dalam kedai bukan pengkhususan (12.5%) dan kedai khusus yang menjual barangan lain (13.3%) (Januari – Jun 2016: 8.3%; 8.4%). Segmen perdagangan borong berkembang 5.8% (Januari – Jun 2016: 8.4%) diterajui oleh jualan borong pengkhususan lain (9.7%), barangan isi rumah (5.2%) serta makanan, minuman dan tembakau (9.2%) (Januari – Jun 2016: 3.4%; 6.6%; 8.1%). Sementara itu, segmen kenderaan bermotor kembali meningkat 2.2% (Januari – Jun 2016: -3.9%) berikutan pengenalan model kenderaan baharu dan rebat ke atas pelbagai jenis model terdahulu. Prestasi ini digambarkan oleh jualan kenderaan bermotor yang kembali pulih 2.2% kepada RM39.6 bilion manakala jualan komponen (termasuk alat ganti) dan aksesori meningkat 5.4% kepada RM16.9 bilion (Januari – Jun 2016: -7.1%; RM38.8 bilion; 2.2%; RM16 bilion). Pada 2017, subsektor ini dijangka terus berkembang 6.5% (2016: 6.2%).

Subsektor *makanan & minuman dan penginapan* meningkat 7.2% (Januari – Jun 2016: 6.6%). Segmen makanan & minuman berkembang 7.9% (Januari – Jun 2016: 7.4%) dipacu peningkatan perbelanjaan di restoran. Sementara itu,

segmen penginapan mencatat pertumbuhan 4.8% (Januari – Jun 2016: 4%) terutamanya disokong oleh aktiviti pelancongan domestik, pembukaan hotel bajet baharu dan promosi dalam talian yang agresif. Ketibaan pelancong menguncup 1.5% dalam tempoh lapan bulan pertama 2017 (Januari – Ogos 2016: 3.8%). Walau bagaimanapun, pengenalan laluan baharu penerbangan terus ke negara ini serta penganjuran Sukan Para ASEAN, Formula 1 Petronas Malaysia Grand Prix dan Shell Malaysia Motorcycle Grand Prix dijangka menyokong pertumbuhan segmen ini. Pada 2017, subsektor ini dijangka berkembang 7.6% (2016: 7.1%).


Subsektor *maklumat dan komunikasi* mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 8.3% (Januari – Jun 2016: 8.6%). Segmen komunikasi terus menjadi penyumbang utama dengan mengekalkan momentum pertumbuhan sebanyak 9.3% (Januari – Jun 2016: 9.8%) berikutan promosi agresif oleh syarikat telekomunikasi dan pengenalan model telefon baharu. Sementara itu, segmen maklumat berkembang 5.7% (Januari – Jun 2016: 3.6%) dan perkhidmatan komputer meningkat 6.4% (Januari – Jun 2016: 7%). Subsektor ini dijangka mengekalkan momentum pertumbuhan kukuh dan meningkat 8.5% pada 2017 (2016: 8.1%) disokong oleh pelancaran model telefon pintar terkini, penurunan harga model premium terdahulu dan peningkatan langganan perkhidmatan nilai ditambah yang ditawarkan syarikat telekomunikasi.

Subsektor *kewangan dan insurans* terus berkembang 4.3% (Januari – Jun 2016: 0.8%) diterajui oleh aktiviti kewangan. Segmen kewangan meningkat kukuh sebanyak 4.8% berikutan pertumbuhan lebih tinggi dalam FISIM¹ serta pendapatan berasaskan fi dan faedah (Januari – Jun 2016: 0.02%). Segmen insurans meningkat pada kadar lebih perlahan sebanyak 2.8% (Januari – Jun 2016: 3.4%) berikutan pendapatan premium yang sederhana. Pada 2017, subsektor ini dijangka berkembang 4.2% (2016: 2.5%).

Subsektor *hartanah dan perkhidmatan perniagaan* meningkat 7.3% (Januari – Jun 2016: 6.7%). Segmen perkhidmatan perniagaan mencatat pertumbuhan 8.4% (Januari – Jun 2016: 7.7%). Pertumbuhan ini didorong oleh permintaan berterusan bagi perkhidmatan profesional terutamanya perkhidmatan kejuruteraan dalam sektor pembinaan serta perkhidmatan perundangan dan perakaunan. Sementara itu, segmen hartanah berkembang 4.9% (Januari – Jun 2016: 4.6%). Perkembangan ini sebahagiannya didorong oleh prestasi kukuh sektor pembinaan, insentif dan

¹ Perkhidmatan Perantara Kewangan yang Diukur Secara Tidak Langsung.

Rajah 3.1. Penunjuk Terpilih Sektor Perkhidmatan

¹ Anggaran.

Sumber: Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia; Jabatan Perangkaan Malaysia; tujuh pelabuhan utama (Bintulu, Johor, Klang, Kuantan, Kuching, Pulau Pinang dan Tanjung Pelepas); Malaysia Airports Holdings Berhad dan Lapangan Terbang Antarabangsa Senai.

rebat yang ditawarkan oleh pemaju, peningkatan kelayakan pinjaman perumahan kakitangan awam dan kelonggaran syarat pembelian rumah di bawah skim Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M). Bagi keseluruhan tahun, subsektor ini dijangka meningkat 7.2% (2016: 6.9%).

Subsektor *pengangkutan dan penyimpanan* berkembang 6.2% (Januari – Jun 2016: 5.9%). Pertumbuhan ini sebahagian besarnya disokong oleh segmen pengangkutan darat yang meningkat 6.8% (Januari – Jun 2016: 7.2%). Prestasi ini dicerminkan melalui pertambahan jumlah penumpang Electric Train Service (ETS) yang meningkat 29% kepada 1.7 juta penumpang (Januari – Jun 2016: 93%; 1.3 juta) dan perkhidmatan antara bandar oleh Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) berkembang 8% kepada 1.5 juta penumpang (Januari – Jun 2016: 66.5%; 1.4 juta). Sementara itu, jumlah kargo KTMB meningkat semula 5.3% kepada 3 juta tan metrik (Januari – Jun 2016: -0.3%; 2.9 juta tan metrik) disokong oleh aktiviti pembinaan yang kukuh. Jumlah trafik di lebuh raya bertol kembali mencatat pertumbuhan yang ketara sebanyak 11.5% kepada 903.2 juta kenderaan (Januari – Jun 2016: -8.1%; 810.2 juta) sejajar dengan pembukaan lebuh raya intra-bandar baharu.

Segmen *pengangkutan udara* berkembang 3.4% (Januari – Jun 2016: 2.5%) disokong oleh pergerakan penumpang antarabangsa yang lebih tinggi. Jumlah penumpang udara melonjak 12.3% (Januari – Jun 2016: 2.1%) dengan trafik penumpang antarabangsa mencatat pertumbuhan 15.4% (Januari – Jun 2016: 5%) sebahagian besarnya dirangsang oleh peningkatan ketibaan pelancong dari China serta tambang kompetitif yang ditawarkan oleh syarikat penerbangan. Pergerakan penumpang domestik kembali pulih 9.6% (Januari – Jun 2016: -0.4%) berikutan peningkatan perjalanan pada musim perayaan dan bulan puasa. Sementara itu, kargo udara kembali meningkat 8.4% (Januari – Jun 2016: -14.7%) didorong oleh aktiviti perdagangan yang lebih kukuh.

Segmen *pengangkutan air* mencatat pertumbuhan sederhana sebanyak 1.6% (Januari – Jun 2016: 1.7%). Jumlah kontena di pelabuhan utama² merosot 2.9% kepada 11.8 juta unit bersamaan dua puluh kaki (TEU) (Januari – Jun 2016: 5.7%; 12.2 juta TEU). Prestasi ini disebabkan oleh keadaan cuaca yang buruk di China, penjarangan semula oleh syarikat perkapalan global serta perubahan kemudahan dan peralatan pelabuhan yang menjejaskan jadual berlabuh. Jumlah kontena di Pelabuhan Klang yang merangkumi 52.6% daripada keseluruhan kontena merosot 3.8% (Januari – Jun 2016: 53.1%; 12.2%), manakala Tanjung Pelepas (35%) terus menguncup 4% (Januari – Jun 2016: 35.4%; -2.8%).

Walau bagaimanapun, pertumbuhan positif dicatat di pelabuhan Bintulu, Johor, Kuantan, Kuching dan Pulau Pinang. Bagi keseluruhan tahun, subsektor pengangkutan dan penyimpanan dijangka berkembang 6.2% (2016: 5.6%).

Subsektor *utiliti* meningkat pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 2.2% (Januari – Jun 2016: 6.1%) disebabkan permintaan isi rumah yang lebih rendah berikutan kesan El Niño yang semakin berkurangan. Segmen elektrik dan gas menyederhana 1.2% (Januari – Jun 2016: 5.8%). Dalam tempoh tujuh bulan pertama, penggunaan elektrik meningkat 2.3% kepada 81,462 juta kilowatt-jam (kWj) (Januari – Julai 2016: 8.4%; 79,626 juta kWj) dengan segmen industri, komersial dan perlombongan merangkumi 78.4% daripada jumlah penggunaan elektrik manakala segmen kediaman dan lampu awam sebanyak 21.6% (Januari – Julai 2016: 76.8%; 23.2%). Penjana elektrik meningkat 1.5% dengan agihan maksimum 13,577 juta kWj pada Julai 2017 (Januari – Julai 2016: 8.5%; 13,212 juta kWj; Mei). Penggunaan gas berkembang kukuh sebanyak 10.2% kepada 88.4 juta MMBtu (Januari – Jun 2016: 3.6%; 80.2 juta MMBtu) dengan jualan meningkat 32.2% kepada RM2.5 bilion (Januari – Jun 2016 : 22.2%; RM1.9 bilion). Prestasi jualan lebih kukuh didorong oleh peningkatan penggunaan yang lebih tinggi dalam segmen industri. Segmen air, pembetulan dan pengurusan sisa berkembang 5.9% (Januari – Jun 2016: 7.1%). Pertumbuhan ini disokong oleh permintaan air yang tinggi dari kawasan perindustrian, komersial dan kediaman baharu yang meningkat 4.1% kepada 11,671 juta liter sehari (jlh) (Januari – Jun 2016: 2.3%; 11,212 jlh). Pada 2017, subsektor ini dijangka berkembang 2.5% (2016: 5.4%).

Subsektor *perkhidmatan lain* meningkat 5.3% (Januari – Jun 2016: 4.6%) dengan pendidikan swasta berkembang 6.5% dan kesihatan swasta 5.4% (Januari – Jun 2016: 6.7%; 5.6%). Sehingga akhir Julai 2017, terdapat 495 institusi pendidikan tinggi swasta di seluruh negara (akhir Julai 2016: 496) terdiri daripada 10 kampus cawangan universiti luar negara, 53 universiti swasta, 35 kolej universiti serta 397 kolej swasta. Bilangan pelancong kesihatan asing di hospital swasta mencatat 494,326 (Januari – Jun 2016: 460,338) dengan bilangan pesakit dari Indonesia merangkumi 55.5% atau 274,244 daripada jumlah pelancong kesihatan. Bagi keseluruhan tahun, subsektor ini dijangka berkembang 5.3% (2016: 4.8%) disokong oleh permintaan kukuh bagi pendidikan swasta serta perkhidmatan penjagaan kesihatan berkualiti tinggi dengan harga yang berpatutan. Sementara itu, subsektor *perkhidmatan kerajaan* berkembang 4.8% (Januari – Jun 2016: 5.2%) disokong oleh perbelanjaan dalam emolument. Pada 2017, subsektor ini dijangka meningkat 4.4% (2016: 4.9%).

² Bintulu, Johor, Klang, Kuantan, Kuching, Pulau Pinang dan Tanjung Pelepas.

Sektor Pembuatan

Pengeluaran terus meningkat

Nilai ditambah sektor **pembuatan** terus mengukuh 5.8% dalam tempoh separuh pertama 2017 (Januari – Jun 2016: 4.4%) dengan peningkatan pelbagai output dalam industri berorientasikan eksport dan domestik. Dalam tempoh lapan bulan pertama, pengeluaran meningkat 6.4%, sementara jualan produk pembuatan kembali pulih dengan ketara sebanyak 15.6% kepada RM500.2 bilion (Januari – Ogos 2016: 4%; -0.7%; RM432.8 bilion). Output **industri berorientasikan eksport** berkembang 6.5% (Januari – Ogos 2016: 4.3%) diterajui oleh peningkatan dalam kitaran elektronik global dan disokong oleh permintaan tinggi bagi produk berasaskan sumber. Sementara itu, **industri berorientasikan domestik** meningkat 6.2% (Januari – Ogos 2016: 3.4%) hasil daripada aktiviti penggunaan dan pembinaan yang rancak.

Berdasarkan perkembangan ini, kadar penggunaan kapasiti kekal stabil pada 86.6% dalam tempoh suku pertama 2017 dan 82.8% pada suku kedua (S1 2016: 76.7%; S2 2016: 77.5%) berikutan pengembangan berterusan sektor pembuatan. Selain itu, Indeks Pengurus Pembelian bertambah baik kepada 49.9 mata pada September 2017 (September 2016: 48.6 mata) mencerminkan prospek yang lebih optimis. Sejalan dengan peningkatan pengeluaran dalam tempoh lapan bulan pertama, bilangan pekerja kembali meningkat 2.3% dengan purata gaji bagi seorang pekerja berkembang 5.5% kepada RM3,252

(Januari – Ogos 2016: -0.3%; 6.4%; RM3,082). Pada 2017, sektor pembuatan dijangka terus meningkat 5.5% (2016: 4.4%) terutamanya disumbangkan oleh peningkatan jualan semikonduktor global serta permintaan yang lebih tinggi bagi produk pengguna dan bahan pembinaan.

Dalam industri berorientasikan eksport, output E&E meningkat 9.3% manakala jualan melonjak 16.3% kepada RM169.5 bilion (Januari – Ogos 2016: 6.8%; 9%; RM145.8 bilion). Pertumbuhan ini didorong oleh output papan litar bercetak yang terus mengukuh sebanyak 24.4%, alatan semikonduktor 11.9% dan litar elektronik bersepadu 16.9% (Januari – Ogos 2016: 11.9%, 5.9%, 15%). Pencapaian ini selaras dengan trend jualan semikonduktor global yang dijangka berkembang 11.5% pada 2017 iaitu yang tertinggi sejak 2010. Sebaliknya, output komputer dan kelengkapan peranti menguncup 7.7% (Januari – Ogos 2016: 3.1%) disebabkan pengurangan permintaan terhadap komputer riba dan peribadi berikutan peningkatan penggunaan telefon pintar dan tablet. Sementara itu, output peralatan elektronik pengguna berkembang dengan kadar sederhana pada 2.6% (Januari – Ogos 2016: 5.3%) sebahagiannya berpunca daripada penurunan permintaan untuk peralatan hiburan di dalam kereta, pemain media mudah alih dan kamera digital.


Pengeluaran *produk petroleum bertapis* meningkat 3.2% (Januari – Ogos 2016: 3%) disokong oleh permintaan yang lebih tinggi dari Australia, Indonesia dan Singapura. Pertumbuhan juga

Jadual 3.3. Indeks Pengeluaran Pembuatan Januari – Ogos
(2010 = 100)

	Indeks		Perubahan (%)		Bahagian (%)	
	2016	2017	2016	2017	2016	2017
Industri berorientasikan eksport	129.9	138.3	4.3	6.5	73.8	73.9
Produk elektrik dan elektronik	148.9	162.8	6.8	9.3	27.3	28.1
Kimia dan produk kimia	136.1	140.8	4.5	3.5	14.8	14.4
Produk petroleum bertapis	113.1	116.7	3.0	3.2	18.1	17.5
Kayu dan produk kayu	120.2	129.0	7.8	7.3	3.7	3.7
Pemprosesan di luar estet	93.1	105.5	-13.7	13.2	3.2	3.4
Produk getah	143.2	153.2	5.0	6.9	2.7	2.7
Produk kertas	120.8	127.8	5.4	5.8	2.7	2.7
Tekstil, pakaian, produk kulit dan kasut	134.5	144.4	7.5	7.4	1.3	1.4
Industri berorientasikan domestik	136.9	145.5	3.4	6.2	26.2	26.1
Produk galian bukan logam dan yang berkaitan	135.9	143.3	6.3	5.4	4.3	4.3
Produk logam yang direka	175.5	183.5	5.6	4.6	4.2	4.1
Logam asas	106.9	111.3	1.9	4.2	3.3	3.2
Kelengkapan pengangkutan	152.9	160.1	-3.1	4.7	6.4	6.3
Produk makanan	126.9	141.1	6.3	11.2	5.6	5.9
Minuman	142.6	158.2	9.2	10.9	1.1	1.1
Produk tembakau	120.0	122.2	4.9	1.8	0.5	0.5
Lain-lain	114.7	117.4	10.4	2.3	0.9	0.8
Jumlah	131.6	140.1	4.0	6.4	100.0	100.0

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Rajah 3.2. Keluaran Sektor Pembuatan
(% perubahan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Jadual 3.4. Output Sektor Pembuatan:
Subsektor E&E
Januari – Ogos
(2010 = 100)

	Perubahan (%)		Bahagian (%)	
	2016	2017	2016	2017
Komponen dan papan elektronik	9.1	15.7	14.6	15.9
Komputer dan kelengkapan peranti	3.1	-7.7	2.5	2.2
Peralatan komunikasi	1.5	-1.3	1.4	1.3
Peralatan elektronik pengguna	5.3	2.6	4.6	4.5
Motor elektrik, penjana, transformer dan perkakasan pengagihan dan pengawalan elektrik	4.2	9.4	0.6	0.6
Pendawaian dan peranti pendawaian	5.3	13.4	0.8	0.8
Perkakasan domestik	8.3	-0.2	0.4	0.3
Jentera kegunaan umum	6.4	2.7	1.0	1.0
Jentera kegunaan khas	2.3	11.2	1.4	1.4
Jumlah E&E	6.8	9.3	27.3	28.1

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

disokong oleh peningkatan permintaan daripada industri domestik berintensifkan tenaga dan penjanaan tenaga. Sementara itu, pengeluaran produk kimia dan bahan kimia berkembang 3.5% didorong oleh peningkatan pengeluaran produk kimia lain (3.8%) serta produk farmaseutikal, kimia perubatan dan botani sebanyak 4.4% (Januari – Ogos 2016: 4.5%; 2.9%; 4%). Output kimia asas, baja dan sebatian nitrogen pula meningkat 3.7% (Januari – Ogos 2016: 5.9%) sejajar dengan peningkatan pengeluaran dalam sektor pertanian berikutan harga komoditi yang lebih kukuh. Sementara itu, produk plastik berkembang 2.7% (Januari – Ogos 2016: 3.1%) disokong oleh permintaan yang lebih tinggi daripada industri pembungkusan makanan.

Pengeluaran kayu dan produk kayu berkembang 7.3% (Januari – Ogos 2016: 7.8%). Pertumbuhan ini terutamanya disokong oleh peningkatan pengeluaran pengilangan dan pengetaman kayu sebanyak 14.7% (Januari – Ogos 2016: 16.8%) berikutan permintaan yang kukuh dari AS, Australia dan Jepun. Sementara itu, pengeluaran perabot kayu dan rotan kekal meningkat pada 10.9% (Januari – Ogos 2016: 10.9%), meraih manfaat daripada penggunaan teknologi yang lebih tinggi serta kepelbagaian pasaran eksport.

Pengeluaran produk pemprosesan di luar estet semakin pulih dengan mencatat pertumbuhan dua digit sebanyak 13.2% (Januari – Ogos 2016: -13.7%). Prestasi industri ini sebahagian besarnya disokong oleh peningkatan aktiviti pengeluaran minyak sawit yang semakin pulih sebanyak 13.6% dan minyak isirong 14.5% (Januari – Ogos 2016: -15.8%; -15.2%). Pertumbuhan ketara ini didorong oleh peningkatan pengeluaran CPO berikutan pengurangan kesan El Niño.

Keluaran produk getah kekal kukuh pada 6.9% (Januari – Ogos 2016: 5%). Pertumbuhan diterajui oleh output sarung tangan getah yang meningkat 8.1% (Januari – Ogos 2016: 5.7%) berikutan peningkatan kecekapan dalam pembuatan serta permintaan yang kukuh daripada industri perubatan dan penjagaan kesihatan, terutamanya dari AS, Jepun dan Jerman. Walau bagaimanapun, pengeluaran tayar getah untuk kenderaan menguncup 3% (Januari – Ogos 2016: 5.2%) disebabkan oleh kenaikan harga input berikutan banjir di negara pengeluar getah utama.

Bagi industri berorientasikan domestik, pengeluaran bahan berkaitan pembinaan kekal mencatat pertumbuhan pada 4.8% (Januari – Ogos 2016: 4.8%). Pertumbuhan ini diterajui pengeluaran lebih tinggi bagi logam asas sebanyak 4.2% terutamanya besi asas dan keluli yang meningkat semula 6.2% (Januari – Ogos 2016: 1.9%; -1.4%). Sementara itu, pengeluaran produk mineral bukan logam berkembang 5.4% manakala logam yang direka 4.6% (Januari – Ogos 2016: 6.3%; 5.6%) disokong permintaan lebih tinggi untuk bahan binaan yang direka serta konkrit, simen dan plaster berikutan aktiviti pembinaan yang rancak.

Pengeluaran kelengkapan pengangkutan kembali pulih 4.7% (Januari – Ogos 2016: -3.1%). Pertumbuhan ini sebahagian besarnya disokong oleh pengeluaran alat ganti dan aksesori untuk kenderaan bermotor yang lebih tinggi (13.1%) serta aktiviti pembaikan dan penyelenggaraan kelengkapan pengangkutan yang meningkat 9.7% (Januari – Ogos 2016: 12.8%; 8.1%).

**Jadual 3.5. Output Sektor Pembuatan:
Bahan Berkaitan Pembinaan
Januari – Ogos
(2010 = 100)**


	Perubahan (%)		Bahagian (%)	
	2016	2017	2016	2017
Kaca dan produk kaca	19.9	7.2	0.9	0.9
Pengeluaran galian bukan logam t.t.t.l. ¹	3.2	5.0	3.4	3.4
Produk struktur logam, tangki, takungan dan penjana wap	5.5	3.0	1.5	1.4
Produk lain yang direka daripada logam; aktiviti perkhidmatan kerja logam	5.7	5.4	2.7	2.7
Besi dan keluli asas	-1.4	6.2	2.1	2.1
Logam asas berharga dan logam bukan ferus lain	9.0	0.3	1.1	1.1
Jumlah bahan berkaitan pembinaan	4.8	4.8	11.7	11.6

¹ Tidak terkelas di tempat lain.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

**Rajah 3.3. Prestasi Industri Terpilih
(% perubahan)**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Sementara itu, pengeluaran produk pesawat dan kapal angkasa dan jentera berkaitan meningkat semula 5.2% turut menyokong pertumbuhan segmen tersebut (Januari – Ogos 2016: -1.1%). Di samping itu, pengeluaran kenderaan bermotor bertambah baik dengan mencatat penguncupan yang lebih kecil sebanyak 2.4% (Januari – Ogos 2016: -22.2%). Seterusnya, volum jualan kenderaan meningkat 3.9% kepada 384,730 unit (Januari – Ogos 2016: -14.8%; 370,152 unit) didorong oleh promosi musim perayaan dan pelancaran model baharu.

Pembuatan *produk makanan* meningkat 11.2% disumbangkan oleh kenaikan pengeluaran ketara dalam minyak sawit bertapis sebanyak 26.1% (Januari – Ogos 2016: 6.3%; -3.3%) berikutan pengeluaran CPO yang lebih tinggi. Sementara itu, output produk makanan lain berkembang 7% disokong oleh pengeluaran roti, kek dan produk bakeri lain (15.6%) serta biskut dan cookies (12%) bagi memenuhi peningkatan permintaan isi rumah (Januari – Ogos 2016: 11.1%; 19.2%; 19.1%).

Sektor Pertanian

Sektor pertanian kembali pulih

Sektor pertanian meningkat semula 7.1% dalam tempoh separuh pertama 2017 (Januari – Jun 2016: -5.9%) terutamanya disokong oleh pemulihan ketara subsektor kelapa sawit dan getah berikutan cuaca yang lebih baik. Sementara itu, subsektor berkaitan makanan seperti ternakan, buah-buahan dan sayur-sayuran meningkat didorong permintaan domestik lebih kukuh. Peningkatan subsektor ini turut disokong oleh pelbagai langkah Kerajaan bagi meningkatkan pengeluaran makanan termasuk pembangunan projek infrastruktur pertanian dan penerusan program berimpak tinggi iaitu estet padi, zon bersepadu akuakultur dan ternakan ikan sangkar. Pada 2017, sektor pertanian dijangka kembali melonjak 5.6% (2016: -5.1%) terutamanya dipacu oleh subsektor kelapa sawit dan getah yang merangkumi 53.1% daripada sektor pertanian. Sementara itu, subsektor berkaitan makanan dijangka terus menyokong pertumbuhan melalui penggunaan teknik pertanian moden dan permintaan yang lebih kukuh daripada industri pemprosesan makanan.

**Jadual 3.6. Nilai Ditambah Sektor Pertanian
2016 – 2017**

(Pada harga malar 2010)

	Perubahan (%)		Bahagian (%)	
	2016	2017 ²	2016	2017 ²
Pertanian	-5.1	5.6	100.0	100.0
Kelapa sawit	-12.7	11.8	43.1	45.6
Getah	-6.3	10.8	7.1	7.5
Ternakan	3.7	3.1	11.6	11.4
Pertanian lain ¹	5.1	2.4	19.5	18.9
Perhutanan dan pembalakan	-3.0	-15.0	7.2	5.8
Perikanan	2.2	0.2	11.5	10.9

¹ Termasuk padi, buah-buahan, sayur-sayuran, kelapa, tembakau, teh, bunga, lada, koko dan nanas.

² Anggaran.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

Subsektor kelapa sawit kembali meningkat dengan pertumbuhan ketara sebanyak 14.6% (Januari – Jun 2016: -15.2%) disumbangkan oleh pengeluaran CPO lebih tinggi. Dalam tempoh sembilan bulan pertama 2017, pengeluaran CPO kembali pulih 12.2% kepada 14.1 juta tan metrik berikutan hasil buah tandan segar (FFB) yang lebih tinggi pada 12.7 tan metrik sehektar (Januari – September 2016: -15.3%; 12.6 juta tan metrik; 11.6 tan metrik sehektar). Walau bagaimanapun, kadar perahan minyak berkurang kepada 19.7% (Januari – September 2016: 20.2%) terutamanya disebabkan oleh hujan lebat di beberapa negeri pengeluar utama CPO. Seiring trend perubahan musim dan pengurangan kesan El Niño, pengeluaran CPO dijangka mencapai 20 juta tan metrik pada 2017 (2016: 17.3 juta tan metrik). Sehingga akhir September 2017, harga purata CPO mengukuh kepada RM2,848 setan metrik (Januari – September 2016: RM2,556 setan metrik) meskipun stok minyak sawit meningkat kepada 2 juta tan metrik (akhir September 2016: 1.5 juta tan metrik). Pada 2017, harga CPO dijangka berada pada purata RM2,700 setan metrik (2016: RM2,653 setan metrik) disokong oleh permintaan kukuh terutamanya dari China dan India. Bagi keseluruhan tahun, subsektor kelapa sawit dijangka kembali pulih dengan ketara sebanyak 11.8% (2016: -12.7%).

Jadual 3.7. Kelapa Sawit: Kawasan, Hasil dan Pengeluaran 2016 – 2017

			Perubahan (%)	
	2016	2017 ²	2016	2017 ²
Keluasan tanaman ('000 hektar)	5,738	5,822	1.7	1.5
Kawasan matang ('000 hektar)	5,001	5,118	2.9	2.3
Pengeluaran Minyak sawit mentah ('000 tan metrik)	17,319	20,000	-13.2	15.5
Hasil ¹ (tan metrik/hektar)	15.9	19.0	-13.9	19.4

¹ Hasil buah tandan segar.

² Anggaran.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia.

Nilai ditambah subsektor getah melonjak 20.8% dalam tempoh separuh pertama 2017 (Januari – Jun 2016: -9.7%). Pertumbuhan ini disokong oleh harga yang lebih tinggi serta peningkatan hasil berikutan keadaan cuaca yang lebih baik. Dalam tempoh lapan bulan pertama 2017, pengeluaran getah meningkat 19.1% kepada 495,049 tan metrik (Januari – Ogos 2016: -9.3%; 415,502 tan metrik). Pada 2017, pengeluaran getah dijangka berkembang 3.9% kepada 700,000 tan metrik (2016: -6.7%; 673,513 tan metrik). Purata harga getah (SMR20) meningkat kepada RM7.44 sekilogram dalam

tempoh sembilan bulan pertama 2017 (Januari – September 2016: RM5.17 sekilogram) sebahagian besarnya disebabkan gangguan bekalan akibat banjir di Thailand serta peningkatan permintaan bagi semua jenis kenderaan dalam pasaran global. Pada 2017, subsektor ini dijangka mencatat momentum pertumbuhan yang kukuh sebanyak 10.8% dengan purata harga pada RM7.30 sekilogram (2016: -6.3%; RM5.68 sekilogram).

Jadual 3.8. Getah: Kawasan, Hasil dan Pengeluaran 2016 – 2017

			Perubahan (%)	
	2016	2017 ¹	2016	2017 ¹
Jumlah kawasan ('000 hektar)	1,073	1,078	0.2	0.5
Kebun kecil	996	999	0.3	0.4
Estet	77	78	-0.8	1.3
Hasil (kg sehektar)				
Kebun kecil	1,380	1,410	-1.4	2.2
Estet	1,550	1,560	-0.6	0.6
Jumlah pengeluaran ('000 tan metrik)	674	700	-6.7	3.9
Kebun kecil	620	645	-6.7	4.0
Estet	53	55	-7.0	3.7
% daripada pengeluaran dunia	5.4	5.4		

¹ Anggaran.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Lembaga Getah Malaysia.

Subsektor ternakan berkembang 3.9% dalam tempoh separuh pertama 2017 (Januari – Jun 2016: 5%) disokong oleh pengeluaran lebih tinggi bagi ayam-itik, telur dan lembu. Pertambahan bilangan pengeluar dan kapasiti pertanian menyumbang kepada peningkatan pengeluaran ternakan. Selain itu, bantuan pemasaran Kerajaan seperti MyFarmOutlets dan Agrobazaar Rakyat 1Malaysia serta pembangunan ladang jagung untuk makanan haiwan dijangka terus memberi dorongan kepada subsektor ini. Pada 2017, subsektor ini dijangka berkembang 3.1% (2016: 3.7%) disokong oleh program Kerajaan yang berterusan dan peningkatan permintaan isi rumah.

Subsektor pertanian lain berkembang 2.4% (Januari – Jun 2016: 5.6%) disokong oleh pengeluaran buah-buahan dan sayur-sayuran yang lebih tinggi. Pada 2017, subsektor ini dijangka meningkat 2.4% (2016: 5.1%) terutamanya disokong oleh perkembangan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) serta peningkatan permintaan buah tropika terutamanya dari China dan Timur Tengah. Sehingga Ogos 2017, sebanyak 74 TKPM telah dibangunkan di Malaysia dengan keluasan 10,914 hektar. Sementara itu, pengeluaran padi dijangka meningkat berikutan usaha menaik taraf saliran, pengairan dan jalan ladang serta penggunaan benih dan baja berkualiti di samping amalan agronomi moden.

**Jadual 3.9. Pengeluaran Pertanian Lain
2016 – 2017**

	('000 tan metrik)		Perubahan (%)	
	2016	2017 ³	2016	2017 ³
Koko	1.8	2.5	1.6	42.3
Padi	3,492	3,693	28.2	5.7
Ternakan				
Daging ¹	277	276	-0.3	-0.3
Ayam-itik	1,671	1,694	2.3	1.4
Telur (juta)	13,842	14,174	4.7	2.4
Susu (juta liter)	37	38	0.8	3.1
Pertanian pelbagai				
Buah-buahan ²	1,665	1,730	-5.9	3.9
Lada	29	31	3.3	6.0
Sayur-sayuran	1,399	1,543	1.9	10.3
Kelapa (juta unit)	505	525	-0.2	4.0
Bunga (juta keratan)	500	515	-2.0	3.1

¹ Termasuk daging lembu, kambing dan khinzir.

² Terdiri daripada belimbing, betik, durian, jambu, mangga, manggis, pisang, rambutan dan nanas.

³ Anggaran.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani; dan Kementerian Perusahaan Peladangan dan Komoditi Malaysia.

Sementara itu, subsektor *perikanan* merosot 2.5% dengan pengeluaran mencatat 936,575 tan metrik dalam tempoh separuh pertama 2017 (Januari – Jun 2016: 2%; 979,042 tan metrik). Pendaratan ikan laut menguncup 8% (Januari – Jun 2016: 5.3%) terutamanya disebabkan oleh musim tengkujuh. Walau bagaimanapun, penurunan ini diimbangi pengeluaran akuakultur yang kembali meningkat 8.9% (Januari – Jun 2016: -18.3%). Pelbagai program Kerajaan seperti zon bersepadu akuakultur dan ternakan ikan sangkar dijangka mengukuhkan lagi subsektor ini. Pada 2017, subsektor perikanan dijangka berkembang sederhana sebanyak 0.2% (2016: 2.2%) disokong oleh hasil akuakultur.

Sektor Perlombongan

Gas asli menyokong pertumbuhan

Nilai ditambah sektor **perlombongan** terus berkembang pada kadar sederhana sebanyak 0.9% dalam tempoh separuh pertama 2017 (Januari – Jun 2016: 0.4%). Pertumbuhan ini disokong oleh peningkatan pengeluaran *gas asli* yang mengukuh sebanyak 4.7% (Januari – Jun 2016: 1.9%) sejajar dengan peningkatan eksport ke China, Jepun dan Republik Korea serta permintaan lebih tinggi daripada industri petrokimia dalam negeri. Walau bagaimanapun, subsektor *minyak mentah* dan *kondensat* terus merosot 3.7% (Januari – Jun 2016: -1.2%) sejajar dengan komitmen Malaysia mengurangkan pengeluaran minyak sehingga 20,000 tong sehari sejak Januari 2017. Langkah ini selaras dengan perjanjian antara Pertubuhan

Negara-negara Pengeksport Minyak (OPEC) dan anggota bukan OPEC untuk mengurangkan pengeluaran minyak sebanyak 1.8 juta tong sehari dari Januari 2017 hingga Mac 2018 bagi menangani lebihan pengeluaran minyak global. Oleh itu, minyak Brent diniagakan lebih tinggi pada purata USD52.05 setong dalam tempoh sembilan bulan pertama 2017 (Januari – September 2016: USD42.04 setong). Pada 2017, purata harga Brent dijangka didagangkan sekitar USD50 setong (2016: USD44.05 setong). Sektor perlombongan dijangka berkembang 0.5% pada 2017 (2016: 2.2%) disokong peningkatan pengeluaran gas asli yang mengimbangi pengurangan dalam pengeluaran minyak mentah. Subsektor gas asli dijangka mendapat manfaat daripada pengkomersialan LNG Train 9 di Kompleks LNG PETRONAS, Bintulu dan Fasiliti Gas Asli Cecair Terapung PETRONAS 1.


Sektor Pembinaan

Kejuruteraan awam mengukuh pertumbuhan

Nilai ditambah sektor **pembinaan** merekod pertumbuhan kukuh sebanyak 7.4% dalam tempoh separuh pertama 2017 (Januari – Jun 2016: 8.5%) terutamanya disokong oleh aktiviti kejuruteraan awam. Jumlah nilai kerja pembinaan siap meningkat 10.4% kepada RM68.9 bilion melibatkan 18,977 projek (Januari – Jun 2016: 11.4%; RM62.4 bilion; 20,026 projek). Sektor swasta menyumbang 63.6% kepada jumlah nilai kerja pembinaan. Subsektor kejuruteraan awam merupakan penyumbang utama kepada jumlah nilai kerja pembinaan sebanyak 35.3%, diikuti subsektor bukan kediaman (31%), kediaman (28.8%) dan aktiviti pembinaan pertukangan khas (4.8%). Pada 2017, sektor pembinaan dijangka berkembang 7.6% (2016: 7.4%) terutamanya disokong oleh projek kejuruteraan awam baharu dan sedia ada khususnya dalam segmen utiliti, pengangkutan dan petrokimia.

Subsektor *kejuruteraan awam* terus merekod pertumbuhan dua digit sebanyak 13.7% (Januari – Jun 2016: 17.7%) disokong oleh projek infrastruktur utama di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas. Antara projek rel yang sedang dilaksanakan ialah Transit Aliran Massa (MRT) laluan Sungai Buloh – Serdang – Putrajaya (SSP) dan Landasan Berkembar Elektrik Gemas – Johor Bahru. Selain itu, pertumbuhan subsektor ini juga disokong oleh projek pembinaan dan naik taraf jalan raya seperti Lebuhraya Setiawangsa – Pantai (SPE) dan Lebuhraya Pan Borneo. Subsektor ini juga mendapat manfaat daripada pembinaan loji jana kuasa gabungan kitaran turbin gas di Melaka.

Subsektor *kediaman* terus berkembang 4.7% (Januari – Jun 2016: 6.7%) disokong oleh permintaan tinggi perumahan mampu milik di lokasi terpilih yang

Rajah 3.4. Penunjuk Penawaran Harta Tanah Kediaman


Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara.

mudah diakses. Sementara itu, unit kediaman mula dibina pulih dengan ketara sebanyak 12.1% kepada 67,662 unit (Januari – Jun 2016: -40%; 60,378 unit). Kondominium dan pangsapuri menyumbang 42.9% selaras dengan peningkatan permintaan terutamanya bagi rumah unit bertingkat tinggi di bandar utama. Walau bagaimanapun, penawaran akan datang berkurang 3.4% kepada 485,433 unit (Januari – Jun 2016: 14.1%; 502,345 unit) disebabkan oleh pemaju berhati-hati dalam melancarkan projek baharu bagi mengelakkan peningkatan harta tanah tidak terjual. Pada masa yang sama, kelulusan pembinaan perumahan baharu merosot 2.8% kepada 43,133 unit (Januari – Jun 2016: -33.5%; 44,389 unit) berikutan langkah pemaju mengkaji semula rancangan pembinaan masa hadapan hasil reaksi keadaan pasaran.

Dari segi permintaan, kadar jualan bangunan kediaman meningkat 23.9% kepada 6,775 unit bagi tempoh tersebut (Januari – Jun 2016: 22.7%; 3,289 unit) disokong oleh akses berterusan pinjaman perumahan terutamanya untuk pembeli rumah pertama. Nilai transaksi bangunan kediaman bertambah baik dengan penguncupan yang lebih kecil sebanyak 0.3% kepada RM32.9 bilion (Januari – Jun 2016: -9.6%; RM33 bilion). Walau bagaimanapun, jumlah transaksi yang mengurus niaga merosot 6.9% kepada 95,010 (Januari – Jun 2016: -14.5%; 102,096 urusan niaga) disebabkan oleh pelaksanaan langkah kehematan makro bagi


mengurangkan spekulasi pasaran dan memastikan pemohon yang layak sahaja mendapat pembiayaan perumahan. Kediaman siap dibina tidak terjual meningkat 55.4% kepada 20,876 unit yang bernilai RM12.3 bilion pada tempoh tersebut (Januari – Jun 2016: 28.3%; 13,438 unit; RM7.6 bilion). Daripada jumlah tersebut, antara negeri yang mencatat peratusan unit siap dibina tidak terjual tertinggi adalah Kedah (20.9%) diikuti Johor (18.2%) dan Selangor (17.6%). Walau bagaimanapun, pasaran harta tanah dijangka mengalami penyesuaian sewajarnya dalam jangka masa panjang selaras dengan prospek pertumbuhan ekonomi negara yang lebih kukuh.

Indeks Harga Rumah Malaysia (MHPI) meningkat pada kadar sederhana, mencerminkan langkah Kerajaan bagi membendung peningkatan harga yang ketara. MHPI berada pada 184.1 mata (tahun asas 2010) dalam tempoh suku kedua 2017 (S2 2016: 174.4 mata). Sementara itu, purata harga rumah meningkat 5.6% kepada RM397,190 bagi tempoh tersebut (S2 2016: 7.1%; RM376,247). Peningkatan tertinggi dicatat oleh rumah teres (6.8%) diikuti oleh unit bertingkat tinggi (5.8%), berkembar (4.1%) dan sesebuah (2.4%).


Rajah 3.5. Indeks Harga Rumah Malaysia (% perubahan)

Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara.

Subsektor bukan kediaman meningkat 4.9% kepada RM6.4 bilion (Januari – Jun 2016: RM6.1 bilion). Pertumbuhan ini terutamanya disokong oleh unit mula dibina untuk kedai kembali meningkat

Rajah 3.6. Penunjuk Penawaran Harta Tanah Bukan Kediaman

Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara.



sebanyak 29.3% dan pangsapuri perkhidmatan 14% (Januari – Jun 2016: -46.7%; -35%). Walau bagaimanapun, unit mula dibina bagi segmen industri merosot 9.7% diikuti Pejabat Rumah Kecil (SOHO) menguncup 16.1% (Januari – Jun 2016: -76.7%; -24.9%) terutamanya disebabkan oleh penyederhanaan aktiviti dalam industri berkaitan minyak & gas (O&G). Pada masa yang sama, penawaran yang dirancang bagi Pejabat Binaan Khas (PBO) merosot 6.1% kepada 972,995 meter persegi (mp) (Januari – Jun 2016: 60.1%; 1,036,671 mp). Sementara itu, unit mula dibina untuk PBO kekal tidak berubah pada 277,776 mp.

Kedai siap dibina tidak terjual meningkat 54.3% kepada 7,754 unit yang bernilai RM5.1 bilion (Januari – Jun 2016: 2.2%; 5,024 unit; RM2.5 bilion). Pada masa yang sama, permintaan untuk bangunan komersial terus menggalakkan dengan kadar purata penghunian ruang pejabat berada pada 83.5% dan ruang runcit 81.5%. Peratusan ini menunjukkan permintaan berterusan untuk ruang komersial khususnya di kawasan utama. Sehingga Jun 2017, stok sedia ada bagi kompleks membeli-belah meliputi keluasan 15.1 juta mp dan bangunan industri sebanyak 111,792 unit (akhir-Jun 2016: 14.2 juta mp; 106,453 unit). Sementara itu, segmen kedai mencatat 5,829 transaksi bernilai RM4.6 bilion (Januari – Jun 2016: 6,452; RM4.7 bilion) merangkumi 56.2% daripada jumlah urus niaga harta tanah komersial. Johor dan Selangor merupakan penyumbang terbesar kepada jumlah pasaran sebanyak 18.4% dan 16.8%.

Indeks Sewaan Bangunan PBO untuk Lembah Klang, Johor Bahru dan George Town menunjukkan trend positif dalam tempoh suku kedua 2017. Indeks sewaan Kuala Lumpur meningkat 3.7% kepada 133.5 mata (S2 2016: 4%; 128.7 mata) dengan pusat bandar merekod 4% manakala luar pusat bandar 2.5%. Sementara itu, indeks sewaan di Selangor meningkat sebanyak 3.8% (120.3 mata), Johor Bahru 4.2% (126.2 mata) dan George Town 5.2% (122.6 mata).

Prestasi Permintaan Domestik

Aktiviti sektor swasta yang rancak

Permintaan domestik berkembang pesat sebanyak 6.7% dalam tempoh separuh pertama 2017 (Januari – Jun 2016: 4.7%) dipacu penggunaan isi rumah berdaya tahan dan pelaburan swasta yang kukuh. Momentum pertumbuhan dijangka terus kekal dalam tempoh separuh kedua tahun ini. Sehubungan itu, bagi 2017 permintaan domestik dijangka berkembang 6.4% (2016: 4.3%). **Perbelanjaan sektor swasta** diunjur mencatat pertumbuhan mapan sebanyak 7.4% (2016: 5.6%) disokong oleh

Jadual 3.10. KDNK mengikut Permintaan Agregat 2016 – 2018
(Pada harga malar 2010)

	Bahagian kepada KDNK (%)		Perubahan (%)	
	2017 ³	2016	2017 ³	2018 ⁴
KDNK	100.0	4.2	5.2 – 5.7	5.0 – 5.5
Permintaan domestik ¹	92.5	4.3	6.4	5.5
Perbelanjaan swasta	71.4	5.6	7.4	7.3
Penggunaan	53.9	6.0	6.9	6.8
Pelaburan	17.5	4.3	9.3	8.9
Perbelanjaan awam	21.1	0.4	3.1	-0.4
Penggunaan	12.7	0.9	2.7	1.3
Pelaburan	8.4	-0.5	3.7	-3.1
Sektor luaran	7.4	1.5	-6.3	1.0
Eksport ²	72.2	1.1	8.0	2.3
Import ²	64.7	1.1	9.9	2.5

¹ Tidak termasuk perubahan dalam stok.

² Barangan dan perkhidmatan bukan faktor.

³ Anggaran.

⁴ Unjuran.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

pengembangan kukuh aktiviti penggunaan dan pelaburan. Sementara itu, **perbelanjaan sektor awam** dianggarkan berkembang 3.1% (2016: 0.4%) berikutan pelaburan berterusan oleh Kerajaan dalam projek berteraskan rakyat.

Penggunaan swasta, merangkumi 53.9% daripada KDNK diunjur berkembang 6.9% pada 2017 (2016: 53.2%; 6%). Penggunaan isi rumah akan terus disokong oleh peningkatan upah dalam keadaan guna tenaga yang terus stabil, pendapatan eksport lebih tinggi dan persekitaran kadar faedah yang rendah. Di samping itu, Bantuan Rakyat 1Malaysia; bantuan khas kewangan kepada kakitangan awam; pembayaran dividen lebih tinggi oleh unit amanah utama; pengurangan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja; dan penganjuran acara sukan utama dijangka memberi sokongan tambahan bagi meningkatkan perbelanjaan isi rumah. Selain itu, harga komoditi utama yang lebih tinggi akan menambah pendapatan pekebun kecil getah sebanyak 37.8% dan kelapa sawit 2.9%. Sejajar dengan kerancakan aktiviti penggunaan swasta, Indeks Sentimen Pengguna oleh Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) bertambah baik kepada 80.7 mata dalam tempoh suku kedua 2017 (S2 2016: 78.5 mata). Di samping itu, penunjuk penggunaan utama seperti jualan motosikal meningkat sebanyak 11.7%, makanan (11.1%) dan kereta penumpang (5.2%) dalam tempoh lapan bulan pertama 2017 (Januari – Ogos 2016: 2.3%; 11.5%; -15.1%) menggambarkan perbelanjaan pengguna yang lebih kukuh.

Sisipan 3.1

Pelaburan Swasta di Malaysia


Pengenalan

Pelaburan swasta merupakan antara sumber pertumbuhan utama Malaysia. Pelaksanaan Program Transformasi Ekonomi (ETP) pada 2010 telah merancakkan pelaburan swasta dengan peningkatan ketara perbelanjaan modal dalam semua sektor. Peningkatan ini dicerminkan melalui sumbangan pelaburan swasta kepada KDNK yang lebih tinggi kepada 15.6% dalam tempoh 2011 hingga 2016 (2005 – 2010: 12.1%).

Trend Pelaburan Swasta


Pelaburan swasta meningkat secara purata sebanyak 13% kepada RM168.9 bilion antara 2011 hingga 2016 (2005 – 2010: 8.9%; RM81.5 bilion). Dari segi sumbangan, pelaburan dalam sektor perkhidmatan meningkat ketara dan mencatat lebih separuh daripada jumlah pelaburan swasta terutamanya dengan liberalisasi berterusan dalam sektor ini. Pelaburan ini disalurkan khususnya dalam subsektor perdagangan edaran, maklumat dan komunikasi, pengangkutan dan penyimpanan serta subsektor berkaitan pelancongan. Sebaliknya, sumbangan sektor pembuatan menyusut kepada 25.4% berbanding 31.6% dalam tempoh 2005 hingga 2010.

Rajah 3.1.1. Komposisi Pelaburan Swasta mengikut Sektor
(Purata 2011 – 2016)



Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Rajah 3.1.2. Prestasi Pelaburan Swasta



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Sumbangan sektor pembuatan yang lebih rendah sebahagiannya disebabkan oleh peralihan fokus Kerajaan dalam menarik pelaburan berkualiti.¹ Melalui strategi ini, jumlah pelaburan yang diluluskan bagi industri pemangkin dan berpotensi tinggi telah meningkat, menyumbang sebanyak 31% pada 2016. Industri ini termasuk E&E (51%), kimia dan produk kimia (17%), peranti perubatan (16%), aeroangkasa (8%) serta jentera & kelengkapan (8%).

Malaysia menarik aliran masuk bersih pelaburan langsung asing (FDI) yang sederhana, mencakupi 22.9% daripada jumlah pelaburan swasta antara 2011 hingga 2016 (2005 – 2010: 25.5%), terutamanya disebabkan oleh perubahan profil pelaburan. Dengan pelaksanaan ETP, lebih banyak pelaburan disalurkan kepada aktiviti bernilai tambah tinggi yang kurang berintensifkan buruh. Di samping itu, peningkatan persaingan bagi menarik FDI daripada negara yang berkembang pesat, terutamanya dengan negara kos buruh yang rendah seperti China dan Viet Nam turut menyumbang kepada aliran masuk bersih yang sederhana. Dari segi sektoral, aliran masuk FDI bersih sepanjang tempoh itu terutamanya disalurkan dalam sektor perkhidmatan (35.5%), pembuatan (35.3%) dan perlombongan (25.8%). Penyumbang FDI terbesar adalah Singapura (17.7%), Jepun (17.7%), Hong Kong (10.1%), Belanda (10.1%) dan AS (4.2%).

Sumbangan Pelaburan Swasta kepada Ekonomi Malaysia

Keuntungan syarikat merupakan faktor terpenting bagi pelaburan swasta.² Unjuran dalaman menganggarkan bahawa peningkatan 1% dalam kadar pulangan (ROR)³ akan meningkatkan pelaburan swasta dengan tambahan pertumbuhan sebanyak 6% dan menyumbang kepada peningkatan guna tenaga sebanyak 0.4%. Pertumbuhan ini akan meningkatkan upah dan seterusnya mengukuhkan penggunaan swasta. Secara keseluruhan, KDNK benar akan mencatat peningkatan tambahan sebanyak 0.3%.

¹ Ditakrifkan sebagai pelaburan dengan nilai tambah tinggi; berintensifkan pengetahuan, kemahiran dan modal; berteknologi tinggi; mempunyai hubungan intersektoral yang kukuh dengan industri domestik; berimpak tinggi kepada GNI; dan pekerjaan berpendapatan tinggi.

² Laporan Tahunan (2012). Bank Negara Malaysia.

³ ROR digunakan sebagai proksi bagi menganggarkan impak margin keuntungan ke atas pelaburan swasta.

Jadual 3.1.1. Impak Peningkatan Kadar Pulangan kepada Makroekonomi

	Peratus peningkatan daripada paras asas (2017)
KDNK benar	0.3%
Guna tenaga	0.4%
Upah	0.2%
Pelaburan swasta	6.0%
Penggunaan swasta	0.4%

Sumber: Unjuran Kementerian Kewangan Malaysia.


Dari segi prestasi sektoral, industri bukan kediaman dan kejuruteraan awam akan mendapat manfaat langsung daripada aktiviti pelaburan yang lebih baik. Industri lain yang membekal kebanyakan input kepada industri berkaitan pelaburan seperti konkrit & produk mineral bukan logam lain; penggalan batu, tanah liat dan pasir; ICT & perkhidmatan komputer; serta penyelidikan dan pembangunan turut mendapat manfaat. Industri sewa dan pajak serta perkhidmatan operasi lebuhraya, jambatan dan terowong pula mendapat manfaat daripada hubungan intersektoral. Sementara itu, industri yang menghasilkan output terutamanya untuk sektor isi rumah seperti industri kediaman serta perdagangan borong & runcit dan kenderaan bermotor akan mendapat manfaat daripada peningkatan permintaan berikutan guna tenaga dan upah yang lebih tinggi.

Kesimpulan

Pelaburan swasta merupakan antara faktor penting untuk merancakkan pertumbuhan ekonomi. Pelbagai inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan terutamanya di bawah ETP telah menggiatkan aktiviti pelaburan swasta. Menyedari kepentingan pelaburan swasta, Kerajaan terus berusaha menambah baik persekitaran perniagaan agar dapat menarik dan meningkatkan perbelanjaan modal oleh sektor swasta. Usaha ini akan memacu Malaysia menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi pada 2020 serta menggandakan ekonomi menjelang 2025.

Pelaburan swasta, merangkumi 17.5% daripada KDNK dijangka meningkat 9.3% (2016: 16.9%; 4.3%) disokong oleh pelaksanaan projek baharu dan yang sedang dilaksanakan. Indeks Keadaan Perniagaan oleh MIER bertambah baik kepada 114.1 mata dalam tempoh suku kedua 2017 (S2 2016: 106.4 mata) menggambarkan sentimen perniagaan yang lebih optimis. Perbelanjaan modal sektor swasta bertumpu terutamanya dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan. Dalam sektor perkhidmatan, pelaburan dijangka disalurkan dalam subsektor hartanah, perkhidmatan kewangan, utiliti dan perdagangan edaran. Sementara itu, pelaburan dalam sektor pembuatan akan bertumpu kepada industri seperti E&E, produk petroleum, produk galian bukan logam dan kelengkapan pengangkutan. Pada masa yang sama, FDI merekod aliran masuk bersih sebanyak RM25.2 bilion dalam tempoh separuh pertama 2017 (Januari – Jun 2016: RM26.1 bilion). Sebahagian besar FDI adalah dari China, Jepun dan Hong Kong berjumlah RM10.9 bilion. Selain negara Asia Timur, Malaysia juga menarik sejumlah besar FDI dari UK sebanyak RM4.2 bilion. Aliran masuk bersih sebahagian besarnya disalurkan dalam sektor perkhidmatan, terutamanya subsektor maklumat dan komunikasi, kewangan dan insurans serta sektor pembuatan dan perlombongan.

Penggunaan awam dianggar berkembang 2.7% (2016: 0.9%) berikutan perbelanjaan yang lebih tinggi bagi emolumen. Sementara itu,

Rajah 3.7. Komposisi Permintaan Agregat
(Pada harga malar 2010)

¹ Tidak termasuk stok.

² Anggaran.


Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

pelaburan awam dijangka melonjak 3.7% (2016: -0.5%) sebahagian besarnya disokong oleh perbelanjaan pembangunan (DE) Kerajaan Persekutuan terutamanya dalam sektor ekonomi dan sosial. Perbelanjaan dalam sektor ekonomi memberi fokus bagi membangunkan prasarana pengangkutan dan menambah baik kemudahan awam. Perbelanjaan ini termasuk pembinaan jalan raya dan jambatan, terutamanya di Sabah dan Sarawak serta peruntukan bagi kemudahan awam khususnya di kawasan luar bandar. Sementara itu, perbelanjaan sektor sosial disalurkan bagi pendidikan dan latihan serta perkhidmatan penjagaan kesihatan.

Perbelanjaan modal oleh syarikat awam dijangka berterusan terutamanya dalam subsektor pengangkutan, utiliti dan berkaitan O&G. Kerajaan akan terus memberi penekanan kepada projek berteraskan rakyat seperti MRT laluan SSP dan Transit Aliran Ringan Laluan 3 (LRT3). Sementara itu, perbelanjaan modal Tenaga Nasional Berhad bertujuan memenuhi keperluan kapasiti tenaga negara di samping mengekalkan kecekapan, keselamatan dan keutuhan bagi keseluruhan sistem. Antara projek utama ialah loji jana kuasa arang batu Manjung 5 dan Jimah serta loji jana kuasa hidro elektrik Tekai dan Nenggiri. Sementara itu, pelaburan PETRONAS memberi fokus kepada projek hiliran dan huluan seperti Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (RAPID), Loji Penjanaan Bersama Pengerang dan Terminal Regasifikasi 2 (RGT2) serta Baram Delta Gas Gathering fasa dua di luar pesisir medan Baronia Miri, Sarawak.

Selaras dengan pengukuhan aktiviti ekonomi domestik dan sektor luaran yang lebih baik, pendapatan negara pada harga semasa dijangka mencatat pertumbuhan lebih tinggi sebanyak 9.1% pada 2017 (2016: 6.2%). **Tabungan negara kasar (TNK)** diunjur meningkat kukuh sebanyak 9.5% dengan sebahagian besar daripada TNK disumbangkan oleh sektor swasta, mencakupi 77.4% daripada jumlah simpanan (2016: 6.8%; 77.6%). Jumlah pelaburan (termasuk perubahan dalam stok) dijangka berkembang 9.3% kepada RM347.9 bilion (2016: 9.5%; RM318.3 bilion). Oleh itu, jurang simpanan pelaburan dijangka mencatat surplus lebih tinggi sebanyak RM32.3 bilion atau 2.5% daripada PNK pada 2017 (2016: RM29 bilion; 2.4%), membolehkan pembiayaan daripada sumber domestik.

Rajah 3.8. Tabungan Negara Kasar dan Jurang Tabungan Pelaburan



¹ Anggaran.
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

Jadual 3.11. Jurang Tabungan Pelaburan 2016 – 2018
(Pada harga semasa)

	RM juta		
	2016	2017 ²	2018 ³
Sektor awam			
Tabungan	77,802	86,024	94,135
Pembentukan modal kasar ¹	105,504	111,349	109,465
Lebihan/Defisit	-27,702	-25,325	-15,330
Sektor swasta			
Tabungan	269,506	294,185	309,482
Pembentukan modal kasar ¹	212,781	236,547	261,212
Lebihan/Defisit	56,725	57,638	48,270
Keseluruhan			
Tabungan negara kasar	347,308	380,209	403,617
% daripada PNK	29.1	29.1	28.7
Pembentukan modal kasar ¹	318,285	347,896	370,677
% daripada PNK	26.6	26.7	26.4
Lebihan/Defisit	29,023	32,313	32,940
% daripada PNK	2.4	2.5	2.3

¹ Termasuk perubahan dalam stok.

² Anggaran.

³ Unjuran.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

Sektor Luaran

Prestasi Perdagangan

Lebihan dagangan yang tinggi

Jumlah dagangan Malaysia meningkat ketara 22.6% dalam tempoh lapan bulan pertama 2017 (Januari – Ogos 2016: 0.9%) sebahagian besarnya dipacu oleh permintaan global yang lebih baik dan aktiviti domestik yang rancak. Eksport kasar mencatat pertumbuhan dua digit sebanyak 22.2% dan import 23% manakala lebihan dagangan berjumlah RM60.8 bilion (Januari – Ogos 2016: 1%; 0.9%; RM52.5 bilion). Pada 2017, **eksport kasar** dijangka melonjak 16.6% kepada RM917.5 bilion (2016: 1.2%; RM787 bilion) disokong oleh permintaan tinggi bagi barangan pembuatan dan komoditi. Sementara itu, **import kasar** dianggar berkembang pada kadar lebih cepat sebanyak 17.8% kepada RM822.9 bilion (2016: 1.9%; RM698.8 bilion) dipacu oleh permintaan kukuh bagi barangan pengantara dan modal, meskipun barangan penggunaan menyederhana. **Lebihan dagangan** dijangka lebih tinggi pada RM94.6 bilion (2016: RM88.1 bilion).

Eksport Barangan Pembuatan

Peningkatan kukuh produk E&E

Eksport barangan pembuatan yang menyumbang 81.3% kepada jumlah eksport dianggar berkembang 15.5% pada 2017 (2016: 82.1%; 3.3%) terutamanya

**Jadual 3.12. Perdagangan Luar Negeri
2016 – 2018**

	RM juta			Perubahan (%)		
	2016	2017 ¹	2018 ²	2016	2017 ¹	2018 ²
Jumlah perdagangan	1,485,783	1,740,356	1,800,356	1.5	17.1	3.4
Eksport kasar	786,964	917,474	948,674	1.2	16.6	3.4
antaranya:						
Pembuatan	645,768	745,906	769,375	3.3	15.5	3.1
Pertanian	70,424	87,160	89,650	4.7	23.8	2.9
Perlombongan	65,056	80,279	86,329	-18.9	23.4	7.5
Import kasar	698,819	822,881	851,681	1.9	17.8	3.5
antaranya:						
Barangan modal	100,245	117,672	121,790	4.9	17.4	3.5
Barangan pengantara	399,033	481,797	499,085	-0.1	20.7	3.6
Barangan penggunaan	66,977	69,122	71,541	7.3	3.2	3.5
Imbangan dagangan	88,145	94,593	96,993	-3.7	7.3	2.5

¹ Anggaran.² Unjuran.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.


**Jadual 3.13. Eksport Kasar
Januari – Ogos**

	RM juta		Perubahan (%)		Bahagian (%)	
	2016	2017	2016	2017	2016	2017
Pembuatan	413,231	500,447	3.8	21.1	82.5	81.8
Pertanian	43,949	52,095	1.6	18.5	8.8	8.5
Perlombongan	40,055	53,137	-21.9	32.7	8.0	8.7
Lain-lain	3,440	6,237	15.3	81.3	0.7	1.0
Eksport kasar	500,675	611,916	1.0	22.2	100.0	100.0

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia.

didorong oleh permintaan lebih tinggi bagi produk E&E. Dalam tempoh lapan bulan pertama 2017, eksport barangan pembuatan melonjak 21.1% kepada RM500.4 bilion (Januari – Ogos 2016: 3.8%; RM413.2 bilion) berikutan permintaan kukuh bagi E&E, produk petroleum, kimia dan produk kimia serta produk getah. Pendapatan eksport E&E berkembang ketara sebanyak 21.4% (Januari – Ogos 2016: 2.3%) disokong oleh prestasi menggalakkan semikonduktor (22.8%), mesin pemprosesan data automatik (28.5%), perkakas mesin elektronik (35.1%) dan mesin pejabat (57.5%). Pertumbuhan ini dipacu terutamanya oleh permintaan bagi produk elektronik pengguna seperti telefon pintar dan tablet serta peranti jimat tenaga, terutamanya diod pemancar cahaya (LED) dan panel solar fotovoltan. Pengembangan ini juga selaras dengan jualan global bagi semikonduktor yang melonjak 20.5% dalam tempoh yang sama. Eksport produk E&E meningkat ketara ke Singapura (35.4%), Jepun (28.6%), China (24.3%), Hong Kong (13.3%) dan AS (7.8%).

**Rajah 3.9. Eksport Semikonduktor Malaysia dan
Jualan Semikonduktor Sedunia**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Semiconductor Industry Association.

Eksport bukan E&E mencatat pertumbuhan lebih kukuh sebanyak 20.9% (Januari – Ogos 2016: 5%) dengan hampir semua subsektor menunjukkan prestasi positif. Hasil eksport produk petroleum kembali pulih dengan ketara sebanyak 43.6%

Jadual 3.14. Eksport Barangan Pembuatan Januari – Ogos

	RM juta		Perubahan (%)		Bahagian (%)	
	2016	2017	2016	2017	2016	2017
E&E	181,733	220,564	2.3	21.4	44.0	44.1
Bukan E&E	231,498	279,882	5.0	20.9	56.0	55.9
Produk petroleum	33,694	48,384	-3.6	43.6	8.2	9.7
Kimia dan produk kimia	38,114	45,080	6.6	18.3	9.2	9.0
Jentera, kelengkapan dan peralatan	25,735	27,521	11.7	6.9	6.2	5.5
Barangan perkilangan logam	22,341	24,263	10.3	8.6	5.4	4.8
Barangan optik dan saintifik	18,639	20,919	14.5	12.2	4.5	4.2
Produk getah	13,031	17,671	1.0	35.6	3.2	3.5
Barangan makanan diproses	12,670	14,070	12.6	11.0	3.1	2.8
Produk kayu	10,162	10,858	4.1	6.8	2.5	2.2
Tekstil, pakaian dan kasut	9,238	10,371	7.1	12.3	2.2	2.1
Barangan perkilangan plastik	8,526	9,644	4.4	13.1	2.1	1.9
Kelengkapan pengangkutan	8,647	10,577	14.3	22.3	2.1	2.1
Produk besi dan keluli	4,100	8,281	-36.7	102.0	1.0	1.7
Barang kemas	4,709	4,518	-7.7	-4.1	1.1	0.9
Produk galian bukan logam	3,724	3,800	-5.6	2.1	0.9	0.8
Minuman dan tembakau	3,025	2,826	5.6	-6.6	0.7	0.6
Produk kertas dan palpa	2,741	3,120	4.7	13.8	0.7	0.6
Barangan pembuatan lain	12,401	17,979	14.3	45.0	3.0	3.6
Jumlah	413,231	500,447	3.8	21.1	100.0	100.0

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia.

(Januari – Ogos 2016: -3.6%) berikutan peningkatan permintaan terutamanya dari Indonesia (135.2%), China (96.4%), Australia (73.7%) dan Singapura (24.5%). Prestasi yang menggalakkan telah direkod dalam petroleum bertapis (34.7%) serta gas petroleum dan hidrokarbon bergas (41%). Eksport kimia dan produk kimia meningkat ketara sebanyak 18.3% (Januari – Ogos 2016: 6.6%) dipacu oleh bahan kimia organik yang berkembang 25.9% dan bahan plastik dalam bentuk utama 13.3%. Permintaan lebih tinggi telah dicatat dari China, Indonesia, Jepun, Singapura dan Thailand.

Pendapatan eksport produk getah melonjak 35.6% (Januari – Ogos 2016: 1%) dipacu oleh sarung tangan getah yang meningkat 24% dan tayar getah 20.8%. Permintaan kukuh bagi sarung tangan getah adalah berikutan peningkatan piawaian prosedur berkaitan kesihatan dan kesedaran kebersihan secara global. Manakala, hasil eksport tayar getah disokong permintaan yang semakin meningkat daripada industri automotif. Dalam tempoh yang sama, eksport produk getah yang lebih tinggi telah direkod ke AS, China, Jepun dan Jerman. Selain itu, eksport barangan optik dan saintifik berkembang 12.2% (Januari – Ogos 2016: 14.5%) dipacu oleh peningkatan permintaan bagi peralatan pengukuran, kawalan dan perubatan.

Eksport jentera, kelengkapan dan peralatan berkembang 6.9% (Januari – Ogos 2016: 11.7%) disokong oleh permintaan kukuh terhadap


jentera khusus bagi perusahaan tertentu (7.1%) serta jentera dan kelengkapan penjanaan kuasa (38.2%). Eksport ke AS, Singapura dan Thailand direkod lebih tinggi. Hasil eksport produk besi dan keluli kembali pulih dengan ketara sebanyak 102% (Januari – Ogos 2016: -36.7%) berikutan aktiviti berkaitan pembinaan yang menggalakkan di rantau ini. Antara pasaran eksport utama untuk produk besi dan keluli termasuk India, Indonesia, Mexico, Singapura dan Thailand.

Eksport Komoditi

Pengukuhan harga menyokong eksport

Pendapatan eksport daripada barangan pertanian dijangka meningkat 23.8% kepada RM87.2 bilion pada 2017 (2016: 4.7%; RM70.4 bilion) terutamanya disokong oleh peningkatan penghantaran minyak sawit dan getah asli. Dalam tempoh lapan bulan pertama 2017, pendapatan eksport pertanian melonjak ketara sebanyak 18.5% kepada RM52.1 bilion (Januari – Ogos 2016: 1.6%; RM43.9 bilion). Eksport minyak sawit kembali pulih secara signifikan sebanyak 18.8% kepada RM30.6 bilion (Januari – Ogos 2016: -0.1%; RM25.8 bilion) didorong oleh peningkatan nilai purata seunit (AUV) sebanyak 20.9% kepada RM3,118 setan metrik. Penghantaran getah asli kembali meningkat 56.3% kepada RM3.5 bilion (Januari – Ogos 2016: -20.1%; RM2.2 bilion) berikutan peningkatan AUV (51.7%) dan

Rajah 3.10. Eksport Komoditi Utama



Nota: AUV merujuk kepada nilai purata seunit.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Jadual 3.15. Eksport Komoditi Januari – Ogos

	2016	2017	Perubahan (%)	2016	2017
Eksport komoditi (RM juta)	84,005	105,232	-11.2	25.3	
Export pertanian (RM juta)	43,949	52,095	1.6	18.5	
Minyak sawit					
Volum ('000 tan metrik)	10,005	9,824	-7.2	-1.8	
AUV (RM/tan metrik)	2,578	3,118	7.6	20.9	
Nilai (RM juta)	25,793	30,633	-0.1	18.8	
Getah asli					
Volum ('000 tan metrik)	412	424	-16.1	3.1	
AUV (RM/tan metrik)	5,369	8,144	-4.7	51.7	
Nilai (RM juta)	2,209	3,454	-20.1	56.3	
Kayu gergaji					
Volum ('000 meter padu)	1,254	1,452	-4.3	15.8	
AUV (RM/meter padu)	1,723	1,781	13.6	3.3	
Nilai (RM juta)	2,160	2,586	8.7	19.7	
Eksport perlombongan (RM juta)	40,055	53,137	-21.9	32.7	
Gas asli cecair					
Volum ('000 tan metrik)	15,992	17,688	-1.9	10.6	
AUV (RM/tan metrik)	1,252	1,523	-29.6	21.7	
Nilai (RM juta)	20,015	26,930	-30.9	34.6	
Petroleum mentah					
Volum ('000 tan metrik)	10,344	10,324	6.9	-0.2	
AUV (RM/tan metrik)	1,323	1,765	-21.6	33.5	
Nilai (RM juta)	13,682	18,226	-16.1	33.2	

Nota: AUV merujuk kepada nilai purata seunit.

Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia.

volum eksport (3.1%). Permintaan yang lebih tinggi dari AS, China, Iran dan Jerman menggalakkan lagi pertumbuhan pendapatan eksport getah asli.

Hasil eksport barangan **perlombongan** dijangka melonjak 23.4% kepada RM80.3 bilion pada 2017 (2016: -18.9%; RM65.1 bilion) disokong oleh harga yang lebih kukuh bagi petroleum mentah dan peningkatan permintaan bagi LNG. Dalam tempoh lapan bulan pertama 2017, eksport barangan perlombongan melonjak sebanyak 32.7% kepada RM53.1 bilion (Januari – Ogos 2016: -21.9%; RM40.1 bilion). Pendapatan yang lebih tinggi telah direkod bagi eksport **petroleum mentah** dengan pertumbuhan ketara sebanyak 33.2% kepada RM18.2 bilion (Januari – Ogos 2016: -16.1%; RM13.7 bilion). Pertumbuhan ini didorong AUV petroleum mentah yang kembali meningkat sebanyak 33.5% (Januari – Ogos 2016: -21.6%). Pendapatan eksport LNG berkembang ketara 34.6% kepada RM26.9 bilion (Januari – Ogos 2016: -30.9%; RM20 bilion) disokong oleh peningkatan AUV sebanyak 21.7% dan volum eksport 10.6%. Pasaran eksport utama LNG adalah China, Jepun, Republik Korea dan Taiwan.


Rencana 3.1

Mengembangkan Potensi Eksport Malaysia

Pengenalan

Eksport memainkan peranan penting dalam ekonomi Malaysia dari segi penjana pendapatan, pewujudan pekerjaan serta peningkatan teknologi dan kemahiran. Sebagai sebuah ekonomi terbuka dengan jumlah perdagangan mewakili 156% daripada KDNK,¹ Malaysia terus berada dalam kalangan 25 negara pengeksporth terbesar di dunia pada 2016.² Malaysia telah berjaya mempelbagaikan produk eksport dan memperluaskan rakan dagangan selaras dengan perubahan struktur ekonomi. Komposisi eksport telah beralih secara berperingkat daripada yang berasaskan komoditi sekitar 1970-an kepada barangan pembuatan. Kini, destinasi eksport Malaysia adalah lebih pelbagai dengan peningkatan eksport berterusan ke Asia Timur,³ selain daripada pasaran tradisi seperti AS, EU dan Jepun. Dalam usaha meningkatkan lagi prestasi eksport, Kerajaan telah mengenal pasti beberapa sektor berpotensi⁴ untuk pengeksporth Malaysia menembusi pasaran baharu dan meningkatkan penawaran produk. Artikel ini memberi fokus kepada empat subsektor pemangkin eksport, iaitu E&E, farmaseutikal, aeroangkasa dan ICT, termasuk kandungan kreatif.

Rajah 3.1.1. Import: Global dan Asia



¹ Kadar pertumbuhan tahunan terkumpul.

Sumber: Trade Map, International Trade Centre (ITC), Julai 2017.

Bidang Eksport Berpotensi

Elektrik dan Elektronik

Permintaan global untuk produk E&E adalah tinggi. Nilai import global bagi subsektor E&E terus berkembang pada kadar pertumbuhan tahunan terkumpul (CAGR) 1.4% antara 2012 dan 2016. Malahan, di Asia pertumbuhan yang dicatat adalah lebih tinggi pada 3.5%. Produk E&E terus menyumbang secara signifikan kepada jumlah eksport Malaysia sebanyak 36.6% pada 2016. Antara produk eksport E&E utama termasuk semikonduktor, mesin pemprosesan data automatik dan peralatan telekomunikasi. Subsektor E&E telah mendapat manfaat daripada permintaan global bagi produk Internet of Things (IoT) seperti peranti mudah alih (telefon pintar, tablet), peranti storan (pengkomputeran awan, pusat data), optoelectronics (gentian optik, LED) dan teknologi terbenam (litar bersepadu, papan litar bercetak, LED). Menurut Pelan Hala Tuju Strategik IoT Kebangsaan 2015, pasaran IoT Malaysia dijangka mencecah RM42.5 bilion menjelang 2025. Usaha akan dipertingkatkan untuk terus membangunkan subsektor E&E, terutamanya dalam segmen bernilai tinggi seperti integrasi sistem, penstoran tenaga berteknologi tinggi, kenderaan elektrik dan data raya. Pengeksporth Malaysia perlu terus meraih peluang untuk kekal relevan dalam segmen strategik ini memandangkan permintaan yang semakin meningkat bagi produk E&E, terutamanya di Asia.


¹ Purata 1990 – 2016.

² Pertubuhan Perdagangan Dunia (2017). *Trade Profiles*.

³ ASEAN, China, Hong Kong, Republik Korea dan Taiwan.

⁴ Automotif, E&E, halal, ICT, industri kreatif, jentera dan kelengkapan, minyak sawit, pembinaan, pendidikan, penjagaan kesihatan, pelancongan, perkhidmatan perniagaan dan kewangan, perniagaan agro serta petrokimia.

Rajah 3.1.2. Eksport dari Malaysia



Farmaseutikal

Malaysia merupakan pengeksport ke-14 terbesar produk farmaseutikal ke Asia berjumlah USD174 juta pada 2016.⁵ Pengeluar farmaseutikal tempatan telah mematuhi syarat Amalan Perkilangan Baik dan Amalan Makmal Baik sejajar dengan piawaian tempatan dan antarabangsa. Malaysia merupakan salah satu negara di rantau ini yang telah diterima untuk menyertai Pharmaceutical Inspection Cooperation/Scheme sejak Januari 2002. Penyertaan ini telah membuka peluang eksport yang lebih luas ke pasaran seperti Australia, EU dan Kanada. Pada masa ini, industri farmaseutikal menghasilkan ubat dalam semua bentuk dos seperti pil (bersalut dan bukan bersalut), kapsul (gelatin keras dan lembut), cecair, krim, minyak sapuan, penitis mata steril dan penyuntik berisi padu kecil (ampul dan bebuli). Di samping itu, pengeluar farmaseutikal Malaysia telah bergerak ke arah pengeluaran ubat biologi, onkologi dan sebatian generik bernilai tambah tinggi selaras dengan permintaan yang semakin meningkat di rantau ini. Negara juga menerima banyak pengiktirafan dalam bidang farmaseutikal halal selaras dengan peningkatan permintaan global. Memandangkan terdapat peluang yang luas dalam industri farmaseutikal, adalah penting bagi pengeluar tempatan mewujudkan kerjasama strategik untuk meningkatkan keupayaan penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi bagi mempelbagaikan penawaran produk dan memperluaskan akses pasaran luar.

Teknologi Maklumat dan Komunikasi


ICT merupakan salah satu subsektor yang berkembang pantas di Asia dengan pertumbuhan 12.8% antara 2012 dan 2016. Dalam tempoh yang sama, MSC Malaysia telah mencatat pertumbuhan eksport yang kukuh sebanyak 13.5%. Kandungan kreatif dan teknologi⁶ adalah segmen MSC Malaysia yang paling cepat berkembang dengan pertumbuhan sebanyak 26.3%. Pada akhir Ogos 2017, kluster kandungan kreatif dan teknologi MSC Malaysia meliputi 367 syarikat yang mengkhusus dalam bidang animasi, pembangunan permainan, e-pembelajaran serta kandungan interaktif dan mudah alih. Pengeksport ICT Malaysia telah mencapai keupayaan dan momentum, terutamanya dalam membekalkan kandungan digital, pembangunan perisian dan pengujian. Permintaan juga semakin meningkat bagi perkhidmatan lain seperti IoT, pusat data dan perkhidmatan awan, keselamatan siber serta analitik data raya. Peningkatan penggunaan perkhidmatan pengkomputeran mudah alih dijangka merancakkan permintaan bagi aplikasi kandungan baharu dan yang ditambah baik. Perkembangan ini menyediakan pelbagai peluang kepada pereka, jurutera serta pengeluar kandungan tempatan bagi meningkatkan lagi eksport kandungan kreatif.

⁵ International Trade Centre (Julai 2017). *Trade Map*.

⁶ Termasuk animasi komputer; aplikasi mudah alih; arkib, permainan dan penerbitan digital; edutainment; filem; televisyen interaktif serta efek visual.

Rajah 3.1.3. Eksport Syarikat MSC Malaysia

¹Kadar pertumbuhan tahunan terkumpul.
Sumber: Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia.

Rajah 3.1.4. Eksport Malaysia bagi Kelengkapan dan Komponen Kapal Terbang

¹Kadar pertumbuhan tahunan terkumpul.
Sumber: Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia dan Pejabat Koordinasi Industri Aeroangkasa Kebangsaan.

Aeroangkasa

Dalam industri aeroangkasa, eksport alatan dan komponen pesawat Malaysia telah meningkat 15.9% kepada RM5.5 bilion antara 2012 dan 2016. Malaysia menjadi peneraju dalam beberapa segmen termasuk reka bentuk dan pembuatan komposit, komponen, avionik dan sistem pesawat serta penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO). Sehingga akhir 2016, terdapat kira-kira 200 syarikat yang terlibat dalam pemasangan pesawat, MRO serta pengeluaran alatan dan komponen pesawat termasuk peralatan sokongan darat.⁷ Pelan Tindakan Industri Aeroangkasa Malaysia telah menetapkan sasaran baharu bagi Malaysia menjadi hab serantau aeroangkasa menjelang 2030. Industri aeroangkasa disasarkan menjana pendapatan tahunan sebanyak RM55.2 bilion dan mewujudkan lebih 32,000 pekerjaan berpendapatan tinggi menjelang 2030. Aeroangkasa merupakan industri strategik serta mempunyai potensi pertumbuhan yang tinggi, maka adalah penting untuk Malaysia terus membangunkan ekosistem aeroangkasa ke arah meningkatkan eksport.

Kesimpulan

Malaysia mampu meraih manfaat besar melalui globalisasi, terutamanya daripada peningkatan permintaan terhadap barangan dan perkhidmatan. Pengenalpastian bidang pertumbuhan tinggi yang strategik adalah kritikal bagi memastikan sumber negara bertumpu kepada sektor yang menghasilkan pendapatan eksport yang tinggi. Oleh itu, adalah penting untuk negara terus memanfaatkan ekonomi dunia dan meningkatkan bahagian dalam pasaran global. Dalam hal ini, pengeksport Malaysia perlu aktif dalam kegiatan bernilai tambah tinggi untuk kekal relevan dan kompetitif. Bagi melengkapi usaha ini, Kerajaan akan terus menyokong ekosistem perniagaan melalui pelbagai program dan inisiatif demi pertumbuhan ekonomi negara.

⁷ Pejabat Koordinasi Industri Aeroangkasa Kebangsaan (NAICO).

Prestasi Import

Dipacu barangan pengantara dan modal

Bagi 2017, import kasar dijangka berkembang 17.8% disokong oleh permintaan berterusan bagi pengembangan perniagaan dan pembangunan projek infrastruktur. Dalam tempoh lapan bulan pertama 2017, import meningkat tinggi sebanyak 23% kepada RM551.1 bilion (Januari – Ogos 2016: 0.9%; RM448.2 bilion). Pertumbuhan

ini sebahagian besarnya dipacu oleh barangan pengantara dan modal selaras dengan peningkatan aktiviti pembuatan dan eksport.

Import *barangan pengantara* yang merangkumi 58.4% daripada jumlah import kasar kembali meningkat 25.6% kepada RM321.9 bilion (Januari – Ogos 2016: 57.2%; -2.4%; RM256.4 bilion) selaras dengan pengembangan berterusan aktiviti ekonomi domestik. Pertumbuhan ini disokong oleh import yang lebih tinggi bagi alat ganti dan

aksesori (24%), bekalan perindustrian (19.4%) serta bahan api dan pelincir (76.2%). Import **barangan modal** melonjak 15.3% kepada RM74.9 bilion (Januari – Ogos 2016: 5.7%; RM64.9 bilion) terutamanya didorong oleh segmen bukan kelengkapan pengangkutan yang meningkat 16.3% khususnya set telefon dan mesin pemrosesan

data automatik. Di samping itu, segmen kelengkapan pengangkutan perindustrian yang berkembang 7.7% turut menyumbang kepada pertumbuhan import lebih tinggi. Import barangan bersaiz besar dan bernilai tinggi seperti pesawat dan kapal juga adalah lebih tinggi dalam tempoh tersebut.

Jadual 3.16. Import Barangan mengikut Penggunaan Akhir Januari – Ogos


	RM juta		Perubahan (%)		Bahagian (%)	
	2016	2017	2016	2017	2016	2017
Barangan modal	64,938	74,876	5.7	15.3	14.5	13.6
Barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan)	57,670	67,047	5.6	16.3	12.9	12.2
Kelengkapan pengangkutan (perusahaan)	7,268	7,829	6.2	7.7	1.6	1.4
Barangan pengantara	256,390	321,918	-2.4	25.6	57.2	58.4
Makanan dan minuman, utama dan diproses, khusus untuk industri	11,529	13,766	-8.5	19.4	2.6	2.5
Bahan api dan pelincir, utama, diproses dan lain-lain	18,367	32,365	-38.6	76.2	4.1	5.9
Bekalan perindustrian, utama, diproses dan t.d.t.l. ¹	110,299	131,703	-0.7	19.4	24.6	23.9
Alat ganti dan aksesori barangan modal dan kelengkapan pengangkutan	116,195	144,084	6.4	24.0	25.9	26.1
Barangan penggunaan	43,677	46,585	12.5	6.7	9.7	8.5
Makanan dan minuman, utama dan diproses, khusus untuk isi rumah	17,468	18,912	9.5	8.3	3.9	3.4
Alat kelengkapan pengangkutan (bukan perusahaan)	608	670	-16.1	10.2	0.1	0.1
Barangan pengguna lain	25,601	27,003	15.6	5.5	5.7	4.9
Barangan tahan lama	5,512	5,928	10.2	7.6	1.2	1.1
Barangan separa tahan lama	9,529	9,862	21.6	3.5	2.1	1.8
Barangan tidak tahan lama	10,560	11,213	13.3	6.2	2.4	2.0
Lain-lain	12,824	16,797	-23.3	31.0	2.9	3.0
Eksport semula	70,380	90,897	9.1	29.2	15.7	16.5
Jumlah	448,209	551,074	0.9	23.0	100.0	100.0

¹ Tidak disenarai di tempat lain.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Rajah 3.11. Haluan Perdagangan Luar Negeri Januari – Ogos 2017
(% bahagian)



¹ Tidak termasuk Singapura.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia.

Import **barangan penggunaan** yang mewakili 8.5% daripada jumlah import kasar meningkat dengan kadar lebih perlahan sebanyak 6.7% kepada RM46.6 bilion (Januari – Ogos 2016: 9.7%; 12.5%; RM43.7 bilion). Perkembangan ini berikutan import barangan pengguna tahan lama yang menyederhana 5.5% (Januari – Ogos 2016: 15.6%) terutamanya ubat-ubatan dan barangan plastik. Import makanan dan minuman meningkat sederhana sebanyak 8.3% (Januari – Ogos 2016: 9.5%) sebahagiannya disebabkan oleh import produk daging yang lebih rendah.

Import untuk **eksport semula** terus berkembang kukuh sebanyak 29.2% kepada RM90.9 bilion (Januari – Ogos 2016: 9.1%; RM70.4 bilion). Pertumbuhan ini dipacu oleh import lebih tinggi bagi produk petroleum dan mesin pemprosesan data automatik. Di samping itu, peluasan terminal penyimpanan terutamanya bagi O&G turut menyokong pertumbuhan segmen ini.

Imbangan Pembayaran

Peningkatan lebihan akaun semasa

Kedudukan imbalan pembayaran (BOP) dijangka terus menggalakkan pada 2017 disokong oleh peningkatan lebihan akaun semasa dan akaun kewangan yang bertambah baik berikutan permintaan luar dan harga komoditi yang lebih teguh. Dalam tempoh separuh pertama 2017, lebihan akaun semasa meningkat kepada RM14.9 bilion atau 2.3% daripada PNK (Januari – Jun 2016: +RM9.3 bilion; 1.6%) sebahagian besarnya disumbangkan oleh peningkatan lebihan akaun barangan meskipun akaun perkhidmatan dan pendapatan mencatat defisit. Bagi keseluruhan tahun, lebihan **akaun semasa** dijangka kekal tinggi pada RM32.3 bilion

atau 2.5% daripada PNK (2016: +RM29 bilion; 2.4%). Peningkatan ini disokong oleh eksport barangan dan komoditi yang kukuh serta didorong oleh defisit yang bertambah baik dalam akaun perkhidmatan berikutan terimaan perjalanan yang lebih tinggi.

Pada 2017, lebihan **akaun barangan** dijangka meningkat kepada RM109.1 bilion (2016: +RM101.4 bilion) sejajar dengan perkembangan kukuh dalam perdagangan global dan harga komoditi yang lebih baik. **Akaun perkhidmatan** dianggar mencatat defisit lebih rendah sebanyak RM18.8 bilion (2016: -RM19.1 bilion) berikutan terimaan perjalanan yang lebih tinggi walaupun bayaran bersih bagi fret dan perkhidmatan lain meningkat. Terimaan perjalanan kekal sebagai penyumbang terbesar kepada pendapatan perkhidmatan, mencakupi 50.7%. Terimaan akaun perjalanan diunjur meningkat 7.6% kepada RM80.6 bilion (2016: 9.2%; +RM75 bilion) terutamanya dengan penganjuran Sukan SEA, Sukan Para ASEAN dan Formula 1 PETRONAS Malaysia Grand Prix. Aliran keluar akaun perjalanan dijangka meningkat kepada RM44.8 bilion (2016: -RM43.4 bilion) terutamanya disebabkan penduduk Malaysia yang berkunjung ke luar negara atas urusan perniagaan, percutian, pendidikan dan keagamaan. Lebihan **akaun perjalanan** diunjur lebih tinggi pada RM35.8 bilion (2016: +RM31.5 bilion).

Defisit dalam **akaun pengangkutan** dijangka meningkat kepada RM24.6 bilion (2016: -RM23.5 bilion) seiring dengan pertumbuhan perdagangan yang kukuh. Bayaran kasar untuk perkhidmatan pengangkutan diunjur meningkat 5.5% kepada RM42.5 bilion (2016: -1.5%; -RM40.3 bilion) disebabkan kebergantungan berterusan kepada syarikat perkapalan asing serta kenaikan kos pengangkutan berikutan caj bahan api dan fret yang lebih tinggi. Terimaan kasar dianggar meningkat

Jadual 3.17. Akaun Semasa Imbalan Pembayaran 2017 – 2018
(RM juta)

	2017 ¹			2018 ²		
	Penerimaan	Pembayaran	Bersih	Penerimaan	Pembayaran	Bersih
Imbalan barangan dan perkhidmatan	952,295	862,009	90,286	990,971	899,285	91,686
Barangan	793,205	684,078	109,127	828,463	714,089	114,374
Perkhidmatan	159,090	177,931	-18,841	162,508	185,196	-22,689
Pengangkutan	17,891	42,526	-24,635	18,025	44,287	-26,263
Perjalanan	80,646	44,847	35,799	81,871	45,521	36,350
Perkhidmatan lain	60,553	90,558	-30,005	62,612	95,388	-32,776
Pendapatan primer	55,048	95,117	-40,068	56,920	97,943	-41,023
Pampasan pekerja	7,340	13,734	-6,394	7,589	13,627	-6,038
Pendapatan pelaburan	47,709	81,383	-33,674	49,331	84,316	-34,985
Pendapatan sekunder	17,891	35,795	-17,905	18,973	36,696	-17,723
Imbalan akaun semasa	1,025,234	992,921	32,313	1,066,865	1,033,925	32,940
% daripada PNK			2.5			2.3

¹ Anggaran.

² Unjuran.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia.

6.5% kepada RM17.9 bilion (2016: 2.6%; +RM16.8 bilion) disokong oleh peningkatan pendapatan perjalanan udara berikutan rangkaian hubungan yang lebih luas dan tambang udara yang kompetitif. Di samping itu, bayaran bagi pengendalian kargo dan perkhidmatan penghantaran yang disediakan oleh syarikat tempatan dijangka menyumbang kepada terimaan akaun pengangkutan. **Akaun perkhidmatan lain** dianggap mencatat aliran keluar bersih yang lebih tinggi sebanyak RM30 bilion (2016: -RM27.1 bilion) berikutan bayaran bersih yang lebih tinggi untuk aktiviti pembinaan. Selaras dengan aktiviti berkaitan pelaburan yang berterusan, pembayaran bagi kepakaran profesional, teknikal dan perkhidmatan berkaitan perdagangan akan turut menyumbang kepada aliran keluar bersih yang lebih tinggi. Di samping itu, bayaran dijangka meningkat untuk perkhidmatan insurans berikutan aktiviti perdagangan yang semakin rancak.

Akaun pendapatan primer dianggap mencatat defisit yang lebih tinggi sebanyak RM40.1 bilion (2016: -RM34.6 bilion) berikutan penghantaran balik keuntungan dan dividen yang lebih tinggi oleh pelabur asing, mencerminkan peningkatan pendapatan pelaburan syarikat multinasional (MNC) yang beroperasi di Malaysia. Justeru, bayaran kasar *pendapatan pelaburan* dijangka meningkat 16.7% kepada RM81.4 bilion (2016: 1.4%; -RM69.8 bilion). Walau bagaimanapun, sebahagian besar pendapatan dijangka dikekalkan di Malaysia bagi tujuan pelaburan semula dan peluasan kapasiti. Sementara itu, penerimaan kasar pendapatan pelaburan diunjur kembali pulih sebanyak 17.1% kepada RM47.7 bilion (2016: -3.6%; +RM40.8 bilion) berikutan peningkatan keuntungan dan dividen terakru syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri. Sebahagian besar pendapatan dijana daripada subsektor O&G dan kewangan serta sektor pembuatan. **Pampasan pekerja** yang merangkumi gaji dan faedah lain yang diperolehi oleh pemastautin yang bekerja di luar negeri serta bukan pemastautin yang bekerja di Malaysia, dijangka mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM6.4 bilion (2016: -RM5.6 bilion).


Aliran keluar bersih dalam **akaun pendapatan sekunder** diunjur berkurangan kepada RM17.9 bilion (2016: -RM18.6 bilion). Aliran keluar kasar yang kebanyakannya terdiri daripada kiriman wang oleh pekerja asing, dijangka berkembang 3.4% kepada RM35.8 bilion (2016: 4.1%; -RM34.6 bilion). Aliran masuk kasar juga dianggap meningkat 11.9% kepada RM17.9 bilion (2016: 34.1%; +RM16 bilion).

Akaun kewangan mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM1.5 bilion dalam tempoh separuh pertama 2017 (Januari – Jun 2016: +RM18.9 bilion) terutamanya disebabkan aliran keluar bersih pelaburan portfolio yang lebih tinggi berbanding

peningkatan aliran masuk bersih daripada pelaburan lain. **Pelaburan portfolio** mencatat aliran keluar bersih RM15.8 bilion (Januari – Jun 2016: +RM14.2 bilion) terutamanya disebabkan oleh jualan bersih sekuriti hutang domestik yang lebih tinggi oleh pelabur asing. Walau bagaimanapun, pembelian sekuriti ekuiti oleh bukan pemastautin kembali aktif berikutan pasaran bon yang lebih stabil. Sementara itu, pelaburan portfolio oleh pemastautin mencatat aliran keluar bersih yang lebih tinggi sebanyak RM11.8 bilion (Januari – Jun 2016: -RM10.7 bilion) berikutan pemerolehan bersih ekuiti asing.

Pelaburan langsung³ mencatat aliran masuk bersih yang lebih rendah sebanyak RM1.1 bilion (Januari – Jun 2016: +RM10.4 bilion) disebabkan pelaburan langsung masuk yang berkurangan sementara pelaburan langsung keluar meningkat. **Pelaburan langsung masuk** mencatat aliran masuk bersih RM19.4 bilion (Januari – Jun 2016: +RM25.8 bilion) terutamanya disebabkan suntikan modal ekuiti yang lebih rendah oleh MNC kepada subsidiari di Malaysia. **Pelaburan langsung keluar** terus meningkat kepada RM18.2 bilion (Januari – Jun 2016: -RM15.4 bilion) disebabkan suntikan modal ekuiti kepada subsidiari di luar negeri yang berterusan dan pendapatan yang dikekalkan untuk tujuan pelaburan semula. Subsektor O&G serta kewangan dan insurans merupakan tumpuan utama pelaburan langsung di luar negeri. **Akaun pelaburan lain** mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM12.9 bilion (Januari – Jun 2016: -RM6.2 bilion) disebabkan penghantaran balik pendapatan berikutan kematangan deposit dan mata wang yang ditempatkan di luar negeri oleh bank Malaysia. Imbangan pembayaran secara keseluruhan mencatat lebihan sebanyak RM0.9 bilion (Januari – Jun 2016: -RM18.8 bilion).

Rajah 3.12. Rizab Antarabangsa



Pada 29 September 2017, rizab antarabangsa Malaysia berjumlah RM427.7 bilion atau USD101.2 bilion mencukupi untuk membiayai 7.6 bulan import tertangguh dan 1.1 kali hutang luar negeri jangka pendek (akhir Disember 2016: RM424.2 bilion; USD94.6 bilion; 8.8 bulan; 1.3 kali).

Sumber: Bank Negara Malaysia.

³ Berdasarkan aset dan liabiliti.

Harga


Inflasi terkawal

Kadar inflasi yang diukur oleh perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (CPI) berada pada paras 3.9% dalam tempoh lapan bulan pertama 2017 (Januari – Ogos 2016: 2.3%). Peningkatan ini terutamanya disebabkan oleh kenaikan harga runcit minyak petrol dan kekangan bekalan. Kumpulan **pengangkutan; makanan dan minuman bukan alkohol; serta perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain** menyumbang 3.49 mata peratusan kepada CPI. Walau bagaimanapun, penurunan harga bagi kumpulan **pakaian dan kasut** serta **komunikasi** telah mengurangkan tekanan inflasi.

Harga bagi kumpulan **pengangkutan** meningkat ketara sebanyak 13.5%, menyumbang 1.63 mata peratusan kepada peningkatan CPI (Januari – Ogos 2016: -5.2%; -0.68 mata peratusan). Peningkatan ini terutamanya disebabkan oleh kenaikan harga dalam subkumpulan **pengurusan alat pengangkutan persendirian** (16.7%), khususnya **bahan api dan pelincir** (23.2%). Harga yang lebih tinggi bagi bahan api dan pelincir disebabkan oleh kesan sampingan dari harga minyak mentah global yang mengukuh.

Inflasi bagi kumpulan **makanan dan minuman bukan alkohol** meningkat 4.2%, menyumbang 1.35 mata peratusan kepada jumlah CPI (Januari – Ogos 2016: 4.2%; 1.32 mata peratusan). Kenaikan

Rajah 3.13. Trend CPI dan PPI
(% perubahan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Jadual 3.18. Indeks Harga Pengguna
Januari – Ogos
(2010 = 100)¹

Wajaran	Perubahan (%)		Sumbangan kepada pertumbuhan CPI (mata peratusan)	
	2016	2017	2016	2017
Makanan dan minuman bukan alkohol	30.2	4.2	1.32	1.35
Minuman alkohol dan tembakau	2.9	21.4	0.70	0.01
Pakaian dan kasut	3.3	-0.3	-0.01	-0.01
Perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain	23.8	2.6	0.58	0.51
Hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah	3.8	2.8	0.08	0.07
Kesihatan	1.7	2.9	0.05	0.05
Pengangkutan	13.7	-5.2	-0.68	1.63
Komunikasi	5.2	-1.1	-0.05	-0.01
Perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan	4.9	2.1	0.08	0.12
Pendidikan	1.1	2.3	0.02	0.02
Restoran dan hotel	2.9	3.2	0.08	0.08
Pelbagai barangan dan perkhidmatan	6.5	3.5	0.18	0.08
Jumlah	100.0	2.3	2.3	3.9

¹ Berkuat kuasa Januari 2011, tahun asas bagi CPI telah disemak semula dari tahun 2005 ke tahun 2010.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

**Jadual 3.19. Indeks Harga Pengeluar
Januari – Ogos
(2010 = 100)¹**

Wajaran		Perubahan (%)		Sumbangan kepada pertumbuhan PPI (mata peratusan)	
		2016	2017	2016	2017
Jumlah	100.0	-2.7	8.2	-2.7	8.2
Pertanian, perhutanan dan perikanan	8.2	11.1	12.5	0.82	1.05
Perlombongan	9.7	-21.1	26.3	-1.77	1.78
Pembinaan	78.8	-2.1	6.5	-1.70	5.29
Bekalan elektrik dan gas	3.0	-2.5	2.6	-0.09	0.09
Bekalan air	0.3	4.7	0.1	0.02	0.00
PPI mengikut peringkat pemprosesan	100.0	-2.7	8.2	-2.7	8.2
Bahan mentah untuk diproses selanjutnya	20.3	12.6	18.6	2.00	3.41
Bahan perantaraan, bekalan dan komponen	53.6	-4.6	8.1	-4.87	4.45
Barangan siap	26.1	0.7	1.1	0.18	0.30

¹ Berkuat kuasa Januari 2015, tahun asas bagi PPI telah disemak semula dari tahun 2005 ke tahun 2010.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

ini terutamanya disebabkan oleh peningkatan harga bagi kategori *makanan di rumah* sebanyak 4.3%, berpunca daripada kekangan bekalan dan permintaan yang lebih tinggi semasa musim perayaan dan cuti sekolah. Sementara itu, subkumpulan *minyak dan lemak* mencatat kenaikan tertinggi sebanyak 38.9%, diikuti *ikan dan makanan laut* (6.5%); *sayur-sayuran* (4.1%); dan *daging* (3.3%).

Kumpulan *perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain* berkembang 2.2% (Januari – Ogos 2016: 2.6%). Kenaikan ini disebabkan oleh harga yang lebih tinggi pada subkumpulan *sewa sebenar yang dibayar oleh penyewa* sebanyak 2.8%. Secara keseluruhan, kumpulan ini menyumbang 0.51 mata peratusan kepada peningkatan CPI (Januari – Ogos 2016: 0.58 mata peratusan).

Dari segi strata, CPI bagi kedua-dua *kawasan bandar dan kawasan luar bandar* meningkat 3.9% (Januari – Ogos 2016: 2.4%; 1.9%). Peningkatan ini terutamanya disumbangkan oleh kumpulan *pengangkutan; makanan dan minuman bukan alkohol; serta perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain*. Sementara itu, dari segi pendapatan, isi rumah berpendapatan **kurang daripada RM1,000** mengalami inflasi sebanyak 3.2%. Kenaikan ini lebih rendah berbanding isi rumah berpendapatan antara **RM1,001 dan RM1,500** (3.3%) dan isi rumah berpendapatan antara **RM1,501 dan RM3,000** (3.8%).

Dalam tempoh lapan bulan pertama 2017, **Indeks Harga Pengeluar (PPI)** bagi pengeluaran tempatan meningkat semula dengan ketara sebanyak 8.2% (Januari – Ogos 2016: -2.7%). Peningkatan ini disebabkan kenaikan harga komoditi yang dikenakan oleh pengeluar domestik dalam sektor *perlombongan* (26.3%); *pertanian, perhutanan dan*

perikanan (12.5%); *pembuatan* (6.5%); *bekalan elektrik dan gas* (2.6%); serta *bekalan air* (0.1%). Dari segi **PPI bagi peringkat pemprosesan**, semua peringkat mencatat harga yang lebih tinggi iaitu peringkat *bahan mentah untuk pemprosesan selanjutnya* (18.6%) diikuti *bahan perantaraan, bekalan dan komponen* (8.1%) serta *barangan siap* (1.1%).

Pasaran Buruh

Pasaran buruh kekal stabil

Pasaran buruh kekal menggalakkan dalam tempoh separuh pertama 2017 dengan *kadar pengangguran* pada 3.4% (Januari – Jun 2016: 3.4%). Jumlah *tenaga buruh* meningkat 1.9% kepada 14.9 juta (Januari – Jun 2016: 0.6%; 14.6 juta) manakala jumlah *guna tenaga* meningkat 1.9% kepada 14.4 juta (Januari – Jun 2016: 0.2%; 14.1 juta). Bilangan penduduk bekerja paling ramai adalah dalam sektor perkhidmatan iaitu 8.9 juta atau 62% daripada jumlah guna tenaga terutamanya dalam subsektor perdagangan borong dan runcit diikuti sektor pembuatan (17.5%) dan pertanian (11.2%). Pada 2017, pasaran buruh dijangka kekal stabil dengan kadar pengangguran pada 3.4% (2016: 3.4%).

**Jadual 3.20. Penunjuk Pasaran Buruh
Januari – Jun**

	('000)		Perubahan (%)	
	2016	2017	2016	2017
Tenaga buruh	14,617.0	14,892.3	0.6	1.9
Guna tenaga	14,115.4	14,380.8	0.2	1.9
Pengangguran	501.6	511.5	(3.4)	(3.4)

Nota: Angka dalam kurungan adalah kadar pengangguran.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Jadual 3.21. Guna Tenaga mengikut Industri Januari – Jun

	('000)		Bahagian (%)	
	2016	2017	2016	2017
Pertanian, perhutanan dan perikanan	1,567.2	1,607.0	11.1	11.2
Perlombongan dan pengkuarian	105.0	105.8	0.7	0.7
Pembuatan	2,346.2	2,516.1	16.6	17.5
Pembinaan	1,270.3	1,232.3	9.0	8.6
Perkhidmatan	8,825.6	8,917.9	62.5	62.0
Bekalan elektrik, gas, wap dan pendingin udara	80.8	65.4	0.6	0.5
Bekalan air; pembentungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan	74.4	75.3	0.5	0.5
Perdagangan borong dan runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal	2,467.7	2,492.1	17.5	17.3
Pengangkutan dan penyimpanan	632.9	645.5	4.5	4.5
Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman	1,295.9	1,303.6	9.2	9.1
Maklumat dan komunikasi	203.1	212.5	1.4	1.5
Aktiviti kewangan dan insurans/takaful	333.6	361.3	2.4	2.5
Aktiviti hartanah	74.7	81.9	0.5	0.6
Aktiviti profesional, saintifik dan teknikal	355.2	367.5	2.5	2.6
Aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan	631.0	634.4	4.5	4.4
Pentadbiran awam dan pertahanan; aktiviti keselamatan sosial wajib	741.2	744.2	5.3	5.2
Pendidikan	903.6	869.9	6.4	6.0
Aktiviti kesihatan kemanusiaan dan kerja sosial	572.1	575.8	4.1	4.0
Kesenian, hiburan dan rekreasi	98.6	97.9	0.7	0.7
Aktiviti perkhidmatan lain	232.3	268.4	1.6	1.9
Aktiviti isi rumah sebagai majikan	128.5	122.2	0.9	0.8
Jumlah¹	14,115.4	14,380.8	100.0	100.0

¹ Jumlah termasuk 'Aktiviti badan dan pertubuhan luar wilayah'.

Nota: Industri dikelaskan mengikut 'Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 Ver. 1.0'.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Jumlah jawatan kosong yang dilaporkan oleh JobsMalaysia meningkat kepada 926,359 dalam tempoh lapan bulan pertama 2017 (Januari – Ogos 2016: 433,634). Sektor pembuatan mencatat kekosongan tertinggi iaitu 40.8% diikuti sektor perkhidmatan (22.7%), pembinaan (18.5%) dan pertanian (17.7%). Dari segi kumpulan pekerjaan, kekosongan tertinggi terus direkod dalam pekerjaan asas iaitu 74% diikuti operator loji dan mesin dan pemasang (11.2%) serta pekerjaan perkhidmatan dan jualan seramai 4.8% (Januari – Ogos 2016: 62.7%; 15.2%; 6.7%). Di samping itu, sebanyak 3.3% jawatan kosong direkod bagi kumpulan profesional, 1.3% bagi juruteknik dan profesional bersekutu dan 0.9% untuk pengurus (Januari – Ogos 2016: 6%; 2%; 1%).

Pada akhir Ogos 2017, bilangan pencari kerja aktif berkurang 2.8% kepada 276,635 dengan 21.1% merupakan pendaftar baharu (akhir Ogos 2016: -2.8%; 284,475; 22.1%). Kumpulan umur 20 – 24 tahun merupakan pencari kerja aktif tertinggi (67.2%) diikuti oleh kumpulan umur 25 – 29 tahun (17.2%) dan kumpulan umur 15 – 19 tahun (10.3%). Kebanyakan daripada pencari kerja aktif adalah pemegang ijazah (45.6%) diikuti oleh pemegang diploma (23.9%) dan pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (19.3%). Dari segi penempatan,

sebanyak 3.3% telah ditempatkan dalam sektor pembuatan diikuti perkhidmatan (2%) dan pertanian (0.4%).

Dalam tempoh lapan bulan pertama 2017, bilangan pekerja yang diberhentikan seperti dilaporkan oleh Kementerian Sumber Manusia meningkat kepada 26,638 orang (Januari – Ogos 2016: 26,367). Pemberhentian tertinggi dicatat dalam sektor pembuatan (75.8%) diikuti perkhidmatan (20.7%) dan perlombongan (2.5%). Berdasarkan kategori pekerjaan, operator loji dan mesin dan pemasang mencatat pemberhentian tertinggi sebanyak 33.6% diikuti kategori profesional (20.5%) serta juruteknik dan profesional bersekutu (18.6%). Pemberhentian pekerja sebahagian besarnya disebabkan oleh pengecilan tenaga kerja, penutupan perniagaan dan pengurangan pengeluaran.

Produktiviti buruh meningkat 3.5% pada 2016 (2015: 3.4%) dengan sektor pembinaan mencatat pertumbuhan tertinggi pada 12.4% manakala sektor perlombongan dan pengkuarian melonjak 11.3% dan pertanian 3.4% (2015: 5.5%; -15%; -2.3%). Produktiviti sektor pembuatan meningkat pada kadar sederhana sebanyak 1.4% dan perkhidmatan 2.8% (2015: 7.2%; 3.2%). Pada 2017, pertumbuhan produktiviti buruh dijangka kekal stabil pada 3.4%.⁴

⁴ Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Rencana 3.2

Produktiviti Memacu Pertumbuhan Ekonomi

Pengenalan

Ekonomi Malaysia telah mencapai kemajuan yang ketara dengan KDNK benar berkembang pada kadar purata tahunan 6.3% antara 1970 hingga 2016 manakala pendapatan per kapita meningkat kepada USD9,110 pada 2016 (1970: USD347). Melangkah ke hadapan, bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang mapan negara perlu meningkatkan produktiviti¹ dan bukan hanya pengumpulan modal dan input buruh. Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) bagi tempoh 2016 dan 2020 telah mengenal pasti produktiviti sebagai salah satu pemacu perubahan untuk mencapai negara maju dan berpendapatan tinggi. Ke arah ini, RMKe-11 telah menyasarkan pertumbuhan produktiviti sebanyak 3.7% setahun bagi mencapai tahap RM92,300 pada 2020 (RMKe-10: 1.8%; RM75,549).

Trend Pertumbuhan Produktiviti Buruh


Pada 2016, produktiviti Malaysia meningkat 3.5% kepada RM78,218 disokong oleh pertumbuhan produktiviti yang lebih tinggi dalam sektor pembinaan (12.4%) dan perlombongan (11.3%). Walaupun terdapat peningkatan, tahap produktiviti negara masih rendah berbanding dengan beberapa negara maju seperti AS, Australia, Singapura, Jepun dan Republik Korea. Walau bagaimanapun, secara keseluruhan tahap produktiviti Malaysia adalah lebih baik berbanding dengan China, Thailand, Indonesia dan Filipina. Meskipun lebih tinggi berbanding negara serantau, kadar pertumbuhan produktiviti Malaysia masih perlahan.

Jadual 3.2.1. Prestasi Produktiviti RMKe-10 dan Sasaran RMKe-11

	Pertumbuhan 2011 – 2015 (% setahun)	Pertumbuhan 2016 (%)	2016 (RM)	Sasaran 2016 – 2020 (% setahun)	Sasaran 2020 (RM)
Pertanian	0.9	3.4	55,485	3.6	68,800
Perlombongan dan kuari	-10.3	11.3	1,014,216	1.1	1,210,000
Pembuatan	2.9	1.4	106,647	2.6	112,100
Pembinaan	6.4	12.4	40,018	9.6	61,900
Perkhidmatan	2.1	2.8	68,166	4.1	83,400
Jumlah produktiviti	1.8	3.5	78,218	3.7	92,300

Sumber: Perbadanan Produktiviti Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Rajah 3.2.1. Tahap Produktiviti Buruh dan Kadar Pertumbuhan di Negara Terpilih, 2016



Sumber: IMD World Competitiveness Report, 2017.

¹ Produktiviti buruh adalah nisbah nilai ditambah kepada jumlah guna tenaga.

Sumbangan Produktiviti Buruh kepada Pertumbuhan Ekonomi

Pertumbuhan ekonomi Malaysia sebahagian besarnya didorong oleh input tradisional. Justeru, Malaysia perlu meningkatkan produktiviti buruh. Keperluan ini selari dengan Global Employment Trend Report yang menyatakan peningkatan produktiviti buruh adalah pemacu utama pertumbuhan sektoral.² Laporan tersebut juga menjangkakan pertumbuhan KDNK per kapita dalam kebanyakan rantau sebahagian besarnya didorong oleh peningkatan produktiviti buruh terutamanya dalam sektor perkhidmatan.

Jadual 3.2.2. Impak Peningkatan Produktiviti kepada Makroekonomi, 2017 – 2020

	Purata kenaikan tambahan (2017 – 2020)
KDNK benar	0.64%
Guna tenaga	0.03%
Upah	0.07%
Jumlah pelaburan	1.35%
Penggunaan swasta	0.44%
Eksport	0.66%
Import	0.63%

Sumber: Unjuran Kementerian Kewangan Malaysia.

Unjuran dalaman menganggarkan peningkatan 1% dalam produktiviti buruh akan menghasilkan kenaikan tambahan pertumbuhan KDNK sebanyak 0.64% setahun antara 2017 hingga 2020. Kos tenaga kerja sebenar akan berkurang, seterusnya meningkatkan kadar keuntungan serta menggalakkan aktiviti pelaburan dan perdagangan. Selari dengan peningkatan produktiviti, kadar upah dijangka meningkat 0.07% setahun dalam tempoh yang sama seterusnya menyumbang kepada kenaikan dalam penggunaan swasta sebanyak 0.44% setahun.

Secara umumnya, semua industri dijangka mendapat manfaat daripada peningkatan produktiviti. Industri berintensifkan buruh terutamanya bidang perkhidmatan profesional, perniagaan serta ICT & perkhidmatan komputer akan mendapat manfaat yang besar daripada peningkatan tersebut. Industri bukan kediaman akan meningkat berikutan peningkatan aktiviti pelaburan manakala industri mesin elektrik & perkakas serta getah bakal berkembang hasil daripada peningkatan eksport. Industri yang melibatkan penjualan kepada isi rumah seperti tempat penginapan, restoran dan kenderaan bermotor turut mendapat faedah berikutan peningkatan penggunaan swasta. Industri seperti sewa dan pajak; penggalian batu, tanah liat dan pasir; dan konkrit & produk mineral bukan logam lain juga dijangka berkembang disumbangkan oleh hubungan antara sektor.

Isu dan Cabaran

Kekurangan pekerja mahir dan ketidakpadanan dalam tenaga kerja adalah antara cabaran utama dalam meningkatkan produktiviti. Pada masa ini, jumlah tenaga kerja mahir³ Malaysia berada pada 25.5% iaitu lebih rendah berbanding negara maju seperti Singapura (56.2%), Australia (45.2%) dan AS (42.2%).⁴ Malaysia juga menghadapi ketidakpadanan antara penawaran dan permintaan graduan terutamanya dalam industri ICT. Sebagai contoh, pada 2017 terdapat kekurangan 7,600 graduan dalam bidang IT dan Sains Komputer dan 1,100 graduan dalam Kluster Multimedia Kreatif.⁵ Sementara itu, majikan juga menghadapi kesukaran untuk mencari bakat dengan kemahiran yang sesuai bagi mengisi jawatan terutamanya disebabkan kekurangan kemahiran insaniah dan interpersonal.⁶ Berbanding negara maju, Malaysia masih kekurangan saluran maklumat yang berstruktur bagi majikan, pembekal kemahiran dan pencari kerja. Keadaan ini telah menyebabkan berlaku jurang kemahiran dan ketidakpadanan.

² Pertumbuhan Buruh Antarabangsa (ILO) (2013).

³ Jumlah bilangan pekerja dalam pekerjaan (pengurus, profesional dan juruteknik berumur 25-54 tahun) yang memerlukan syarat pendidikan tertiar kepada jumlah guna tenaga.

⁴ Global Human Capital Report (2017). World Economic Forum.

⁵ MSC Malaysia Talent Supply-Demand Study, 2013 – 2017. Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC).

⁶ Boosting Trade Competitiveness, Malaysia Economic Monitor (MEM) (Jun 2014). Bank Dunia.

Tahap penggunaan teknologi yang masih rendah juga merupakan satu kekangan kepada pertumbuhan produktiviti. Walaupun Malaysia berada pada kedudukan yang tinggi dalam Digital Adoption Index, namun penggunaan teknologi oleh perniagaan adalah lebih rendah pada 0.42 berbanding isi rumah (0.80) dan kerajaan (0.85).⁷ Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) merangkumi 98.5% daripada jumlah pertumbuhan perniagaan di negara ini pada 2015, namun hanya 7.4% menggunakan eDagang manakala 27% menawarkan produk dalam talian. Faktor utama peratusan yang rendah ini disebabkan oleh kekurangan kemahiran dan kesedaran.⁸ Oleh itu, produktiviti buruh PKS hanya meningkat 0.2% berbanding 2.7% oleh firma besar dan menyebabkan jurang produktiviti antara firma besar dan PKS melebar kepada 3.3 kali pada 2016 (2011: 2.7 kali). Jurang produktiviti ini berpunca daripada kebergantungan tinggi terhadap input buruh dan aktiviti nilai tambah yang rendah, terutamanya dalam subsektor perdagangan borong dan runcit serta makanan & minuman dan penginapan. Pada 2017, Malaysia juga berada di kedudukan ke-46 daripada 137 negara dari segi kecekapan penggunaan teknologi bagi meningkatkan produktiviti industri.⁹

Penggunaan teknologi yang rendah ini juga sebahagiannya disebabkan oleh lambakan pekerja asing berkemahiran rendah yang ditunjukkan oleh kenaikan peratusan pekerja asing kepada 15.1% pada 2015 berbanding 14.1% pada 2010. Sektor pertanian mencatat kebergantungan tertinggi terhadap pekerja asing pada kadar 36.9% yang menyebabkan produktiviti dalam sektor ini berkembang sederhana sebanyak 0.9% berbanding kadar purata nasional sebanyak 1.8% setahun antara 2011 hingga 2015.¹⁰ Kehadiran pekerja asing berkos rendah telah mengurangkan minat majikan untuk beralih kepada penggunaan mekanisasi dan automasi. Keadaan ini akan mengekang aspirasi negara untuk beralih ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan yang dipacu oleh tenaga kerja mahir.

Strategi dan Inisiatif

Menyedari kepentingan produktiviti dalam menggalakkan pertumbuhan ekonomi, Blueprint Produktiviti Malaysia (MPB) telah dilancarkan pada Mei 2017. Pelaksanaan Blueprint ini akan diselia oleh Majlis Produktiviti Negara bagi mewujudkan hala tuju strategik di peringkat nasional, sektor dan industri. Sebagai satu pendekatan baharu, sektor swasta akan memainkan peranan utama dalam Blueprint ini dengan sokongan sektor awam dalam meningkatkan produktiviti buruh. Dalam hal ini, Produktiviti Nexus telah ditubuhkan di bawah MPB sebagai satu platform yang dipacu oleh industri bagi meningkatkan produktiviti industri, inovasi dan peluang pertumbuhan baharu. Pada masa ini, Produktiviti Nexus diterajui oleh sembilan subsektor utama iaitu perdagangan runcit dan makanan & minuman; kimia & produk kimia; E&E; jentera & peralatan; perkhidmatan profesional; penjagaan kesihatan swasta; agro-makanan; pelancongan; dan ICT. Secara kolektif, subsektor ini menyumbang 30% kepada KDNK Malaysia dan 40% kepada jumlah guna tenaga. Produktiviti Nexus melalui kerjasama tiga pihak melibatkan industri, Kerajaan dan universiti memperkasa perusahaan melalui perkongsian pengetahuan, kepakaran sektor khusus dan bantuan untuk menyokong pelaksanaan produktiviti dalam sembilan subsektor tersebut. Selain itu, fokus akan ditumpukan kepada pembangunan tenaga kerja masa hadapan serta memacu digitalisasi dan inovasi. Pada masa yang sama, penekanan akan diberikan bagi memupuk ekosistem yang mapan, mewujudkan mekanisme pelaksanaan yang kukuh dan menjadikan industri bertanggungjawab untuk produktiviti.

Kesimpulan

MPB akan menyediakan panduan ke arah peningkatan produktiviti buruh Malaysia untuk terus berdaya tahan dan berdaya saing dalam persekitaran ekonomi global yang pantas berubah. Isu pelaksanaan utama akan ditangani melalui amalan terbaik dengan memastikan kerjasama erat bersama industri, komunikasi yang lebih telus dan komitmen ke arah kejayaan jangka panjang. Dengan langkah tersebut, produktiviti dijangka akan memacu Malaysia ke arah negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang 2020.

⁷ Bank Dunia (2017). Dicapai pada 1 Oktober, 2017 daripada <http://wbfiles.worldbank.org/documents/dec/digital-adoption-index.html>.

⁸ Kaji Selidik Suku Tahunan (2017). Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia.

⁹ Global Competitiveness Report 2017/2018, Technological Readiness Index. World Economic Forum.

¹⁰ Blueprint Produktiviti Malaysia (2017). Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Sisipan 3.2**Pembaharuan dalam Pasaran Buruh Malaysia: Status Terkini****Pengenalan**

Kerajaan telah melaksanakan beberapa inisiatif untuk meningkatkan kecekapan pasaran buruh. Inisiatif berkenaan termasuk pindaan kepada Akta Kerja 1955 [Akta 265], pelaksanaan gaji minimum kebangsaan, pengenalan skim persaraan swasta dan pelanjutan umur persaraan di sektor swasta. Walau bagaimanapun, masih terdapat beberapa isu yang perlu ditangani termasuk kebergantungan tinggi terhadap pekerja asing, produktiviti pekerja yang rendah dan ketidakpadanan permintaan dengan penawaran dalam pasaran buruh. Data tidak bersepadu serta kekurangan maklumat pasaran buruh yang terkini juga telah menyumbang kepada ketidakpadanan permintaan dengan penawaran. Justeru, bagi menambah baik persekitaran pasaran buruh, Kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah termasuk pengurusan pekerja asing, pewujudan pangkalan data pasaran buruh berpusat melalui Biro Statistik Buruh Malaysia (MBLS), pengenalan Indeks Gaji Nasional (NWI) dan penubuhan Sistem Insurans Pekerjaan (SIP).

Pengurusan Pekerja Asing**Akujanji Majikan**

Kerajaan telah memperkenalkan Akujanji Majikan pada 1 Januari 2017. Pelaksanaan Akujanji tersebut memastikan majikan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pekerja asing mulai peringkat permohonan, pengambilan dan sehingga tamat tempoh kontrak perkhidmatan selaras dengan undang-undang, peraturan, dasar dan arahan semasa Kerajaan. Akujanji ini juga dapat meningkatkan komitmen dan kepatuhan majikan dalam menjaga kesejahteraan pekerja asing secara tidak langsung mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing.

Terdapat beberapa elemen dalam Akujanji Majikan yang perlu dipatuhi sebelum majikan menggaji pekerja asing termasuk pembayaran levi. Pada masa ini, bayaran levi ditanggung oleh pekerja dan mulai Januari 2018 akan ditanggung oleh majikan. Kadar levi bagi Semenanjung Malaysia telah disemak semula pada 18 Mac 2016 manakala bagi Sabah dan Sarawak tidak berubah. Elemen akujanji yang lain termasuk pembayaran gaji dan upah serta penyediaan kemudahan penginapan dan keperluan asas yang sesuai.

Jadual 3.2.1. Kadar Levi bagi Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak

	Sektor	Kadar levi	Kadar levi baharu (berkuat kuasa 18 Mac 2016)
Semenanjung Malaysia	Pembuatan	RM1,250	RM1,850
	Perkhidmatan	RM1,850	RM1,850
	Pembinaan	RM1,250	RM1,850
	Perladangan	RM590	RM640
	Pertanian	RM410	RM640
Sabah dan Sarawak	Pembuatan	RM1,010	Tiada perubahan
	Perkhidmatan	RM1,490	
	Pembinaan	RM1,010	
	Perladangan	RM590	
	Pertanian	RM410	

Sumber: Kementerian Sumber Manusia.

Pusat Kelulusan Setempat bagi Pekerja Asing

Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk memperkemas proses pengambilan pekerja asing dengan meletakkannya di bawah pentadbiran tunggal di Pusat Kelulusan Setempat (OSC) yang diselenggarakan oleh Kementerian Dalam Negeri. Usaha tersebut bertujuan menghapuskan peranan syarikat penyumberan luar dan orang tengah dalam pengambilan pekerja asing. Langkah ini juga dapat meminimumkan kos pengambilan pekerja asing dan membendung pemerdagangan manusia. OSC bertanggungjawab untuk:

- menentukan bilangan pekerja asing yang diperlukan bagi setiap sektor;
- mengesah dan meluluskan permohonan untuk pengambilan pekerja asing;
- memantau semua perkara berkaitan kebajikan pekerja asing; dan
- memastikan pekerja asing bekerja dalam sektor dan syarikat yang dibenarkan.

Mulai April 2017, semua permohonan pekerja asing bagi sektor pembuatan, pembinaan, perkhidmatan, perladangan dan pertanian kecuali pembantu rumah perlu dibuat melalui sistem dalam talian berikut:

- Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx) bagi pengambilan pekerja asing dari semua negara sumber kecuali Bangladesh; dan
- Sistem Permohonan Pekerja Asing (SPPA) bagi pengambilan pekerja asing dari Bangladesh.

Statistik Pasaran Buruh Berpusat

Data pasaran buruh yang tidak bersepadu dalam kalangan agensi telah dikenal pasti sebagai antara kekangan dalam merangka dasar berkaitan pasaran buruh yang komprehensif. Oleh yang demikian, Kerajaan semasa membentangkan Bajet 2017 telah mengumumkan penubuhan MBLS untuk membantu mempermudah keputusan dasar. Matlamat utama MBLS adalah untuk menyokong integrasi dan perkongsian data mengenai statistik pasaran buruh dalam kalangan agensi. Secara khususnya, MBLS akan menjadi pusat (focal point) untuk pengumpulan data buruh secara bersepadu. Langkah ini akan membolehkan penggunaan statistik pasaran buruh secara berkesan oleh pihak berkepentingan serta menggalakkan kerjasama penyelidikan mengenai isu buruh. Pada masa ini, MBLS dikawal selia oleh Kumpulan Perancang Statistik Buruh (LSPG) yang dipengerusikan oleh Unit Perancang Ekonomi dan Bank Negara Malaysia sebagai sekretariat. Ahli utama LSPG termasuk Kementerian Kewangan, Kementerian Sumber Manusia dan Jabatan Perangkaan Malaysia.¹

Indeks Gaji Nasional

Selaras dengan strategi di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, NWI telah diperkenalkan sebagai panduan kepada majikan dalam menetapkan kadar gaji pekerja berdasarkan kelayakan, kemahiran dan produktiviti. NWI merangkumi upah asas serta gaji keseluruhan yang meliputi insentif tunai, elaun dan bayaran kerja lebih masa. Pendekatan pengumpulan data yang digunakan bagi sektor swasta adalah melalui kaji selidik manakala data sektor awam diperoleh daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia. Indeks ini merekodkan perubahan upah asas dan gaji keseluruhan mengikut sektor ekonomi,² pekerjaan³ dan wilayah.⁴ Kaji selidik NWI yang pertama dilaksanakan bagi September 2016 manakala kaji selidik kedua dijalankan bagi Disember 2016.

Kaji selidik NWI menunjukkan upah asas bagi Malaysia meningkat secara marginal iaitu 0.3% bagi tempoh September hingga Disember 2016. Pada peringkat sektoral, sektor perlombongan mencatat peningkatan upah asas tertinggi iaitu 1.6% diikuti sektor perladangan 1.4%. Sektor pembinaan pula mencatat peningkatan upah asas terendah iaitu 0.1% dalam tempoh yang sama. Dari segi kategori pekerjaan, upah asas meningkat antara 0.1% dan 0.5% bagi semua kategori pekerjaan kecuali pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan dan perikanan, dan pekerja perkhidmatan dan jualan.

Sistem Insurans Pekerja

Pada Mac 2017, Kerajaan telah bersetuju untuk melaksanakan SIP. Sistem ini menyediakan satu lagi bentuk perlindungan sosial kepada pekerja melalui penyediaan faedah tertentu dan program penempatan semula pekerjaan kepada pencarum yang kehilangan pekerjaan. Pelaksanaan SIP akan ditadbir oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial. Pada masa ini, Kerajaan sedang mengadakan sesi libat urus dengan semua pihak berkepentingan terutamanya kesatuan pekerja dan majikan bagi mendapatkan persetujuan bersama terhadap terma dan syarat SIP. Terma ini termasuk kadar sumbangan oleh majikan dan pekerja serta struktur tadbir urus SIP.

Kesimpulan

Sejajar dengan matlamat Kerajaan untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat, beberapa pembaharuan dalam pasaran buruh telah diperkenalkan. Inisiatif berkenaan bertujuan menyediakan persekitaran kerja yang kondusif kepada pekerja. Melangkah ke hadapan, Kerajaan akan terus berusaha untuk menambah baik kecekapan dan fleksibiliti pasaran buruh. Dalam masa yang sama, pelaksanaan pendekatan pasaran buruh aktif akan dipergiat bagi meningkatkan kebolehpasaran belia dan graduan menganggur manakala pekerja akan digalakkan untuk menambah baik kompetensi melalui peningkatan kemahiran dan latihan semula. Langkah ini dijangka akan terus meningkatkan produktiviti pekerja seterusnya pampasan pekerja yang lebih tinggi.

¹ Selain daripada ahli utama, terdapat juga ahli satelit yang termasuk Jabatan Peguam Negara, Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Jabatan Tenaga Kerja, Pertubuhan Keselamatan Sosial, dan Institut Maklumat dan Analisa Pasaran Buruh.

² Berdasarkan Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 Ver. 1.0.

³ Berdasarkan Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MISCO) 2013.

⁴ Meliputi Semenanjung Malaysia serta kawasan bandar utama di Sabah dan Sarawak.

Laporan Penyiataan Gaji dan Upah 2016 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan purata **gaji dan upah** bulanan yang diterima oleh pekerja meningkat 6.5% kepada RM2,463 (2015: 5.4%; RM2,312). Sektor perlombongan dan pengkuarian mencatat pertumbuhan purata upah bulanan tertinggi sebanyak 14% diikuti sektor pertanian, perhutanan dan perikanan (8.9%) serta pembinaan pada 8% (2015: -11.8%; 11.1%; 3.6%). Walau bagaimanapun, sektor pembuatan mencatat pertumbuhan purata upah bulanan terendah sebanyak 4.5% dan perkhidmatan 4.8% (2015: 1.2%; 7.4%). Sementara itu, purata upah bulanan pekerja mengikut pencapaian pendidikan juga telah meningkat. Purata upah bulanan pekerja berpendidikan tertiar meningkat 4.9%, pendidikan menengah (5.9%), pendidikan rendah (8.4%) dan tiada pendidikan rasmi 16.7% (2015: 4.8%; 2.7%; 5.5%; 10.6%).

Pada akhir Ogos 2017, jumlah **pekerja asing** berdaftar berkurang kepada 1.8 juta (akhir Ogos 2016: 1.9 juta). Sektor pembuatan menggaji sebilangan besar pekerja asing (35.8%) diikuti sektor pembinaan (19.5%) dan perladangan (14.7%). Sebahagian besar pekerja asing merupakan pekerja dari Indonesia (40.8%), Nepal (22.5%), Bangladesh (12.7%) dan Myanmar (7%).

Sementara itu, jumlah **ekspatriat** turut berkurang 10.3% kepada 147,868 pada akhir Ogos 2017 (akhir Ogos 2016: 8.7%; 164,937). Jumlah tertinggi ekspatriat adalah dari Bangladesh (32.8%) diikuti India (16.8%), China (8.9%) dan Filipina (5.5%). Kebanyakan ekspatriat bekerja dalam sektor perkhidmatan (47.6%), pembinaan (15.6%) dan pembuatan (11.8%).

Prospek 2018

Momentum pertumbuhan yang kukuh

Ekonomi Malaysia dijangka terus mengekalkan momentum pertumbuhan kukuh dengan KDNK benar diunjur berkembang antara 5% dan 5.5% pada 2018 (2017: 5.2% dan 5.7%) terutamanya dipacu permintaan domestik yang berdaya tahan dalam persekitaran sektor luaran yang menggalakkan. Seiring dengan perkembangan ekonomi yang pesat, PNK per kapita dianggar meningkat 5.1% kepada RM42,777 (2017: 7.7%; RM40,713). Meskipun momentum pertumbuhan kekal kukuh, Malaysia sebagai sebuah ekonomi terbuka tidak terkecuali daripada menghadapi cabaran luar. Cabaran ini termasuk peningkatan dasar perlindungan; ketidakpastian dasar negara maju; dan volatiliti pasaran kewangan. Walau bagaimanapun, pembaharuan struktur yang dilaksanakan sejak beberapa tahun bagi mempelbagaikan ekonomi dan mengukuhkan sistem kewangan telah menyediakan penampan untuk menangani cabaran luar tersebut.

Dari sudut permintaan, perbelanjaan isi rumah kekal sebagai sumber pertumbuhan utama yang mendapat manfaat daripada pendapatan lebih tinggi berikutan persekitaran guna tenaga yang stabil dan harga komoditi lebih kukuh. Pelaburan swasta dijangka terus berdaya tahan terutamanya didorong perbelanjaan modal dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan. Sektor swasta terus memacu pertumbuhan manakala sektor awam akan meneruskan langkah konsolidasi fiskal. Sektor luaran dijangka kekal kukuh disokong oleh permintaan berterusan daripada rakan dagangan utama. Inflasi kekal terkawal antara 2.5% dan 3.5% dengan ekonomi mencapai guna tenaga penuh.

Dari sudut penawaran, pertumbuhan ekonomi dijangka menyeluruh dengan semua sektor mencatat pertumbuhan positif. Pertumbuhan sektor perkhidmatan dijangka kekal kukuh terutamanya didorong oleh kumpulan perkhidmatan akhir selaras dengan trend penggunaan swasta. Selain itu, sektor pembuatan dijangka berkembang sejajar dengan permintaan luar dan aktiviti penggunaan yang kekal teguh. Sektor pertanian dijangka meningkat disokong oleh output yang lebih tinggi dan harga komoditi yang lebih kukuh. Pertumbuhan sektor pembinaan akan didorong oleh projek kejuruteraan awam utama manakala sektor perlombongan dijangka terus berkembang pada kadar sederhana disokong oleh pengeluaran gas asli.

Prospek Mengikut Sektor

Pertumbuhan lebih menyeluruh

Sektor **perkhidmatan** diunjur meningkat 5.8% dan menyumbang 54.8% kepada KDNK (2017: 5.9%; 54.5%) dengan semua subsektor terus berkembang. Subsektor perdagangan borong dan runcit dijangka meningkat 6.1% manakala makanan & minuman dan penginapan 7.2% (2017: 6.5%; 7.6%). Prestasi ini disokong oleh penggunaan domestik yang stabil dan peningkatan ketibaan pelancong. Subsektor maklumat dan komunikasi dijangka meningkat 8.8% (2017: 8.5%) disokong oleh kempen promosi dan peningkatan penawaran produk digital. Sementara itu, subsektor pengangkutan dan penyimpanan diunjur berkembang 5.8% (2017: 6.2%). Peningkatan ini sebahagian besarnya didorong oleh bilangan penumpang yang tinggi untuk perkhidmatan rel, terutamanya perkhidmatan MRT serta permulaan operasi pesawat penumpang baharu dan penambahbaikan kemudahan pelabuhan. Di samping itu, subsektor kewangan dan insurans dijangka meningkat 4.4% (2017: 4.2%) disokong oleh aktiviti pembiayaan yang kukuh.

Sektor **pembuatan** diunjur berkembang 5.3% (2017: 5.5%). Output industri berorientasikan eksport dijangka terus meningkat disokong oleh permintaan yang mapan bagi produk E&E, petroleum bertapis dan kayu. Sementara itu, pertumbuhan industri berorientasikan domestik dijangka terus berdaya tahan disokong oleh pelaksanaan projek pembinaan infrastruktur serta permintaan kukuh bagi produk berkaitan pengguna terutamanya makanan dan kelengkapan pengangkutan.

Pertumbuhan sektor **pertanian** diunjur berkembang 2.4% (2017: 5.6%) disumbangkan oleh subsektor komoditi dan bukan komoditi. Pengeluaran CPO dianggar meningkat 2.5% kepada 20.5 juta tan metrik (2017: 15.5%; 20 juta tan metrik) berikutan peluasan kawasan matang. Purata harga minyak sawit dijangka meningkat kepada RM2,750 setan metrik (2017: RM2,700 setan metrik) disokong permintaan yang lebih tinggi terutamanya dari China, EU dan India. Selain itu, pengeluaran getah dijangka meningkat 2.9% kepada 720,000 tan metrik (2017: 3.9%; 700,000 tan metrik) manakala harga terus mengukuh pada RM7.50 sekilogram (2017: RM7.30 sekilogram). Komoditi makanan khususnya ternakan, buah-buahan dan sayur-sayuran serta ikan dijangka mencatat pertumbuhan yang menggalakkan terutamanya disokong oleh permintaan domestik yang kukuh.

Sektor **perlombongan** dijangka berkembang 0.9% (2017: 0.5%) terutamanya disumbangkan oleh pengeluaran gas asli yang lebih tinggi. Output gas asli dijangka terus meningkat berikutan peningkatan permintaan global terutamanya dari China, Jepun, Republik Korea dan Taiwan. Di samping itu, projek O&G yang siap dibina seperti North Malay Basin Full Field Development fasa 1 dan RGT2 di Pengerang akan meningkatkan lagi pengeluaran gas asli. Walau bagaimanapun, pengeluaran minyak mentah dijangka berkurang berikutan komitmen Malaysia untuk mengehadkan pengeluaran sehingga suku pertama 2018. Bagi keseluruhan tahun, harga Brent dijangka didagangkan pada purata USD52 setong (2017: USD50 setong).

Sektor **pembinaan** dijangka meningkat 7.5% (2017: 7.6%) terutamanya disokong oleh projek infrastruktur kejuruteraan awam yang sedang dalam proses pembinaan seperti projek Laluan Rel Pantai Timur, MRT laluan SSP, Landasan Berkembar Elektrik Gemas – Johor Bahru, SPE, Lebuhraya Pan Borneo dan Platform Pusat Pemprosesan Bokor. Sementara itu, subsektor kediaman dijangka terus berkembang dengan beberapa projek perbandaran baharu yang dirancang oleh pemaju swasta. Di samping itu, subsektor ini juga dijangka mendapat manfaat daripada pelbagai program perumahan mampu milik yang dilaksanakan oleh Kerajaan seperti PPA1M, MyBeautiful New Home dan Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia. Walau bagaimanapun,

kadar pertumbuhan subsektor bukan kediaman dijangka menyederhana berikutan peningkatan unit harta tanah tidak terjual terutamanya bagi segmen kedai.

Permintaan Domestik

Aktiviti sektor swasta yang teguh

Prospek 2018 yang positif diterajui oleh **permintaan domestik** berdaya tahan yang diunjur berkembang 5.5% (2017: 6.4%). Pertumbuhan ini terutamanya dipacu oleh perbelanjaan sektor swasta yang menyumbang 72.9% kepada KDNK (2017: 71.4%). Prestasi teguh sektor swasta berikutan persekitaran luar yang lebih baik membolehkan sektor awam terus melaksanakan konsolidasi kedudukan kewangan secara progresif.

Perbelanjaan sektor swasta dijangka kekal rancak, berkembang 7.3% (2017: 7.4%). Pertumbuhan ini selaras dengan jangkaan aktiviti perbelanjaan penggunaan swasta dan pelaburan yang berterusan. **Penggunaan swasta** dianggar meningkat 6.8% (2017: 6.9%) disokong oleh peningkatan pendapatan berikutan persekitaran pasaran guna tenaga yang stabil, pendapatan eksport lebih tinggi dan harga komoditi lebih kukuh. Tambahan pula, pelbagai inisiatif Kerajaan seperti pemberian bantuan tunai yang berterusan serta pelaksanaan program eUsahawan dan eRezeki dijangka meningkatkan pendapatan boleh guna isi rumah seterusnya menyediakan dorongan tambahan bagi perbelanjaan penggunaan.

Pelaburan swasta diunjur berkembang 8.9% dan menyumbang 18.1% kepada KDNK (2017: 9.3%; 17.5%). Perbelanjaan modal yang tinggi dijangka dalam sektor perkhidmatan terutamanya dalam industri berkaitan pelancongan; maklumat dan komunikasi; serta pengangkutan dan penyimpanan. Pelaburan sektor pembuatan akan bertumpu kepada industri pemangkin dan bernilai tambah tinggi seperti E&E; aeroangkasa; serta jentera dan kelengkapan. Di samping itu, pelbagai langkah Kerajaan seperti Pelan Tindakan Strategik eDagang Nasional dan penyertaan dalam Inisiatif Belt and Road dijangka merencanakan lagi aktiviti pelaburan swasta pada 2018.

Perbelanjaan sektor awam diunjur menguncup 0.4% berikutan **pelaburan awam** yang merosot 3.1% (2017: 3.1%; 3.7%) terutamanya disebabkan oleh perbelanjaan modal syarikat awam yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, DE Kerajaan Persekutuan dijangka kekal sebanyak RM46 bilion. Sebahagian besar DE akan disalurkan kepada projek dan program berteraskan rakyat yang bernilai tambah lebih tinggi dan mempunyai hubungan intersektoral yang kukuh. Projek dan

program ini termasuk pembinaan dan naik taraf kemudahan infrastruktur terutamanya di kawasan luar bandar serta pengukuhan pembangunan modal insan melalui peningkatan kemahiran dan latihan semula pekerja. Sementara itu, *penggunaan awam* dianggarkan meningkat marginal pada kadar 1.3% (2017: 2.7%) selaras dengan usaha Kerajaan menyusun semula keutamaan dan merasionalisasi perbelanjaan tidak kritikal.

TNK dijangka berkembang 6.2% kepada RM403.6 bilion dengan peratusan TNK kepada PNK kekal tinggi pada 28.7% (2017: 9.5%; RM380.2 bilion; 29.1%). Bahagian sektor swasta dijangka mencecah 76.7% daripada jumlah TNK (2017: 77.4%). Lebihan tabungan pelaburan akan kekal kukuh sebanyak RM32.9 bilion (2017: RM32.3 bilion) seterusnya menyediakan mudah tunai yang mencukupi untuk membiayai perbelanjaan modal.

Sektor Luaran

Akaun semasa kekal mencatat lebihan

Kedudukan sektor luaran akan terus berdaya tahan didorong oleh prestasi ekonomi dan perdagangan global yang kukuh pada 2018. *Eksport kasar* dijangka berkembang 3.4% kepada RM948.7 bilion (2017: 16.6%; RM917.5 bilion) disokong oleh permintaan berterusan untuk produk E&E dan komoditi. Sementara itu, *import kasar* dianggarkan

meningkat 3.5% kepada RM851.7 bilion (2017: 17.8%; RM822.9 bilion) menunjukkan aktiviti pelaburan yang menggalakkan.

Defisit *akaun perkhidmatan* dijangka meningkat kepada RM22.7 bilion (2017: -RM18.8 bilion). *Akaun pengangkutan dan perkhidmatan lain* diunjur kekal defisit berikutan prospek pertumbuhan aktiviti berkaitan perdagangan dan pelaburan yang menggalakkan. Sementara itu, *akaun perjalanan* dianggarkan mencatat surplus yang lebih besar sebanyak RM36.4 bilion (2017: +RM35.8 bilion) dipacu oleh peningkatan terimaan pelancong. Terimaan kasar *akaun perjalanan* dijangka meningkat kepada RM81.9 bilion (2017: +RM80.6 bilion) berikutan aktiviti promosi dan pemasaran yang bersepadu serta rangkaian hubungan yang bertambah baik.

Akaun pendapatan primer diunjur kekal defisit sebanyak RM41 bilion (2017: -RM40.1 bilion) disebabkan oleh peningkatan pendapatan terakru kepada syarikat asing yang melabur di Malaysia. Selain itu, terimaan daripada syarikat Malaysia beroperasi di luar negeri juga dijangka kekal tinggi. Aliran keluar bersih dalam *akaun pendapatan sekunder* yang sebahagian besarnya terdiri daripada kiriman wang oleh pekerja asing dijangka berjumlah RM17.7 bilion (2017: -RM17.9 bilion). Secara keseluruhannya, *akaun semasa* dianggarkan mencatat lebihan sebanyak RM32.9 bilion atau 2.3% daripada PNK pada 2018 (2017: +RM32.3 bilion; 2.5%).